

KOOP NSTP

LAPORAN TAHUNAN 2018



**MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-51
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

The Power Of Love



*Amazing selection and
fantastic choice...*



**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS
(MALAYSIA) BERHAD,**
31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-22824647 Faks: 03-22826334
Email : admin@knstp.com.my
Website : www.koopnstp.my
Facebook : [@koopnstp](https://www.facebook.com/@koopnstp)
Instagram : [koopnstp](https://www.instagram.com/koopnstp)

**Muhaimin
Jewels & Gems**

MUHAIMIN JEWELS & GEMS SDN BHD
16-05, STUDIO 14, Persiaran Perbandaran,
Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel : +603 5523 6916
Fax : +603 5523 0070
PJ Showroom (Eda) : +6012 630 9848
The Mines
Showroom (Linda) : +6014 292 6311
Email : muhaimincorp@gmail.com
<https://www.muhaiminjewels.com.my>



SEJARAS MARKETING SDN BHD

TEL: 03-61519449

EMAIL: sejaras.marketing@gmail.com

ANDA ORDER KAMI CARI
BARANG ADA KAMI TERUS BAGI
PEMBEKAL BARANGAN PENGGUNA UNTUK KOPERASI ANDA
(GUNA DULU BAYAR KEMUDIAN)



DAIKIN



SHIMANO
SHIMANO TECHNICAL



KAMI JUGA MEMBEKAL PELBAGAI UNIFORM,
CENDERAHATI, TSHIRT, TOPI DAN LAIN-LAIN



Apakah SPeKAR?

SPeKAR merupakan sistem rujukan kredit individu yang menawarkan pelaporan maklumat potongan gaji yang diuruskan oleh ANGKASA, data maklumat perbankan di seluruh Malaysia, maklumat litigasi, status muflis serta lain-lain maklumat pinjaman syarikat bukan kewangan.

SPeKAR diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang juga dilengkapi dengan fungsi pemarkahan atau SKOR yang boleh membantu koperasi untuk membuat pertimbangan untuk meluluskan sesuatu pembiayaan kepada individu.

SPeKAR adalah inisiatif kerjasama antara ANGKASA dengan RAM CREDIT INFO (RAMCI), sebuah agensi rujukan kredit yang dipercayai dan dikendalikan secara profesional.

SKM

Diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Maklumat Litigasi dan Status Muflis



Info Perbankan



Sejarah Bayaran dan Info SPGA



Info potongan syarikat bukan kewangan



Fungsi Terkini



Maklumat Individu



Mesra Pengguna



Caj Rendah



Manfaat Potongan Gaji ANGKASA

POTONGAN GAJI ANGKASA
RUJUKAN KREDIT
'CREDIT SCORING'
POTONGAN SYARIKAT BUKAN KEWANGAN
MAKLUMAT LITIGASI
STATUS MUFLIS
INFO PERBANKAN

Sila hubungi kami untuk maklumat lanjut :

Unit Pelaporan Kredit,
Bahagian Perkhidmatan
Kredit dan Pembangunan Kewangan
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad
(ANGKASA)



03-7884 6466
03-7800 8158



ANGKASACoop



03-7804 6422



www.angkasa.coop

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Maklumat Korporat	6
Kata-kata Aluan dari Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad	7
Kata-kata Aluan dari Pengerusi Koperasi NSTP (M) Berhad	8
Anggota Lembaga Koperasi NSTP (M) Bhd Sesi 2018/2019	9
Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi NSTP (M) Bhd Sesi 2018/2019	10
Kakitangan Koperasi NSTP (M) Berhad	11
Aktiviti Koperasi NSTP 2018	13
Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-51	16
Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50	17
Kehadiran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50	33
Laporan Lembaga Tahun 2018	36
Laporan Jawatankuasa Kecil Tahun 2018	
Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan	39
Laporan JKK Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart	43
Laporan JKK Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko	46
Laporan JKK Komersial & Bisnes	49
Laporan JKK Ar-Rahnu	53
Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi	56
Lampiran A - Kursus & Seminar Tahun 2018	61
Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Sesi 2018/2019	66
Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2017	68
Laporan Juruaudit Bebas	70
Laporan Berkanun Lembaga	74
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	76
Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2020	
Pindaan Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2019	117

PRINSIP - PRINSIP KOPERASI

Keanggotaan Sukarela dan Terbuka

Koperasi adalah sebuah organisasi sukarela terbuka kepada sesiapa sahaja yang boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan dan rela menerima tanggungjawab sebagai anggota tanpa mengira jantina, perbezaan sosial, bangsa, fahaman politik atau agama.

Kawalan Secara Demokrasi oleh Anggota

Koperasi adalah organisasi yang demokratik, dikawal oleh anggotanya sendiri dengan melibatkan diri secara aktif dalam membuat polisi dan keputusan. Lelaki dan wanita yang dilantik sebagai wakil mempunyai tanggungjawab terhadap anggota. Bagi koperasi asas, anggota mempunyai hak mengundi yang sama (satu anggota satu undi) dan koperasi di lain peringkat juga diuruskan secara demokratik.

Penglibatan Anggota dalam Kegiatan Ekonomi

Anggota memberi sumbangan samarata kepada modal koperasi dan mengawalinya secara demokratik. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada modal tersebut adalah harta bersama koperasi. Anggota selalunya menerima gantirugi yang terhad, jika ada, ke atas modal yang disumbangkan sebagai sebahagian daripada syarat menjadi ahli.

Anggota menyediakan kewangan untuk satu atau kesemua tujuan berikut: memajukan koperasi dengan menyediakan rezab di mana sebahagian daripada rezab tersebut tidak boleh dibahagi-bahagikan, di samping memberi faedah kepada anggota mengikut jumlah transaksi mereka dengan koperasi dan menyokong aktiviti yang dipersetujui oleh anggota.

Kebebasan dan Autonomi

Koperasi adalah organisasi autonomi dan berdikari yang dikawal oleh anggota. Jika mereka memasuki mana-mana perjanjian dengan lain-lain organisasi, termasuk dengan kerajaan, atau menambah modal daripada sumber luar, mereka berbuat demikian di atas syarat-syarat yang memastikan kawalan demokrasi masih ditangan anggota di samping masih dapat mengekalkan taraf autonominya.

Pendidikan, Latihan dan Maklumat

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, lembaga yang dipilih, pengurus dan pekerja agar mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada kemajuan koperasi.

Koperasi menyampaikan maklumat kepada orangramai terutama golongan muda dan ketua masyarakat berhubung perihal dan faedah koperasi.

Koperasi di antara Koperasi-koperasi

Koperasi membantu anggotanya secara lebih berkesan disamping mengukuhkan gerakan koperasi dengan bekerjasama di peringkat tempatan, wilayah, nasional dan antarabangsa.

Prihatin Terhadap Masyarakat

Sambil menumpukan keperluan anggota, koperasi juga berusaha untuk membangunkan masyarakat secara mampan melalui dasar-dasar yang diterima oleh anggota-anggotanya.

**MAKLUMAT KORPORAT
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD**

NO PENDAFTARAN :

4369

VISI :

Menjadi sebuah koperasi yang memenuhi keperluan kewangan anggota dan masyarakat dengan memberi pelbagai perkhidmatan yang mesra pelanggan serta patuh syariah.

MISI :

- 1) Memberi kemudahan terbaik melalui tabungan, skim pembiayaan, skim perlindungan, skim kebajikan serta apa jua kemudahan yang bermanfaat kepada anggota dan masyarakat umum;
- 2) Memenuhi kehendak anggota dengan memperkukuhkan sosio-ekonomi;
- 3) Meningkatkan prestasi kewangan yang bernilai tinggi;
- 4) Menyediakan modal insan yang profesional & efisien serta patuh syariah;
- 5) Menjadi koperasi 20 terbaik & terunggul di Malaysia;
- 6) Meningkatkan pulangan kewangan dalam bentuk dividen dan bonus dengan kadar yang kompetitif;
- 7) Mempelbagaikan aktiviti untuk menjana pendapatan;
- 8) Menjadikan E-knstp sebagai saluran informasi dan komunikasi dalam urusan perkhidmatan;
- 9) Memenuhi kebajikan anggota seiring dengan tanggungjawab sosial korporat.

MOTTO :

“Maju Koperasi Anggota Bahagia”

PEJABAT BERDAFTAR / IBU PEJABAT :

31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
No. Tel : 03-22824647 No. Faks : 03-22826334
Laman Web : <http://www.koopnstp.my>
Emel : admin@knstp.com.my
Facebook : Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad
Instagram : koopnstp

ALAMAT CAWANGAN :

- 1) **Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Dataran Mentari)**
No. A-G-1, Blok A Arena, Mentari, Jalan PJS 8/15,
Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya, Selangor
No Tel : 03-56377277 No Faks : 03-56377677
- 2) **Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP (Bandar Seri Putra)**
No. 26, Tingkat Bawah
Jalan Seri Putra ½,
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor
No Tel : 03-89259519 No Faks : 03-56377677

AKTIVITI :

Kredit; Skim Perlindungan Diri & Keluarga;
Skim Pengguna - Peruncitan / Pajak Gadai Islam / Pelancongan;
Pengurusan Acara dan Seminar.

KATA-KATA ALUAN DARI YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2018 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-51.

Alhamdulillah dan tahniah diucapkan kerana KNSTP telah mencapai tahap yang membanggakan iaitu telah berjaya tersenarai pada kedudukan Ke-34 di kalangan 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2018. Selain itu, pembukaan cawangan kedua Ar-Rahnu X'Change di Bandar Seri Putra, Bangi, Selangor yang dibuka pada Mac 2019 merupakan cabang perniagaan yang berpotensi untuk meningkatkan pendapatan.

Saya selaku Yang Dipertua amat berharap pengurusan KNSTP tidak akan berpuas hati setakat ini sahaja, malah perlu berusaha lebih gigih dan mengorak langkah lebih jauh bagi memastikan kedudukan dapat dikekalkan dan juga setanding koperasi-koperasi yang besar di Malaysia. Kejayaan yang tercapai adalah atas sokongan dari semua pihak dan juga tadbir urus yang baik tanpa melupakan prinsip-prinsip koperasi dan kebajikan anggota.

Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan pendapat yang bernas bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat Maju Jaya. Wassalam

DATUK SERI ABDUL JALIL HAMID
Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad
20 Mac 2019

KATA-KATA DARI ALUAN PENERUS KOPERASI NSTP (MALAYSIA) BERHAD



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad (KNSTP) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-51 dan masih menunjukkan prestasi yang baik selaras seperti mana kehendak Akta Koperasi 1993

Tahun 2018 telah berlalu dan meninggalkan kita dengan pelbagai catatan serta cabaran. Jadikanlah cabaran yang lepas sebagai sempadan dan pengajaran bagi menempuh tahun 2019 yang mendatang ini, pastinya cabaran-cabaran ini kelak menjadi landasan untuk kita terus memperkasakan lagi kesejahteraan koperasi kita.

Kejayaan KNSTP mendapat pengiktirafan Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagai koperasi ke-34 terbaik di Malaysia dan ke-18 di Wilayah Persekutuan membuktikan bahawa KNSTP berada di landasan yang betul. Keyakinan setiap ahli KNSTP amat dihargai dan sentiasa prihatin kepada usaha memperkembangkan pembangunan koperasi di masa hadapan.

Kecemerlangan sesebuah koperasi juga amat bergantung kepada sejauh mana komitmen yang diberikan oleh perwakilan koperasi dan seluruh Anggota Lembaga serta pihak pengurusan dalam mentadbir dan menguruskan koperasi.

Setinggi penghargaan juga kepada Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, sebagai Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad, pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Akhir kata, saya mendoakan agar KNSTP akan terus maju dan menempa kejayaan yang lebih besar di masa-masa akan datang. Saya juga berharap agar KNSTP terus menyumbang secara signifikan dalam menjamin kebajikan kepada anggota serta menjadi ikon dan sumber rujukan kepada koperasi lain yang mempunyai aspirasi serupa. Selamat Bersidang dan Selamat Maju Jaya.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”



MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi
20 Mac 2019

ANGGOTA LEMBAGA SESI 2018/2019



1. Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani
Pengerusi

2. Zulfakar Bin Wahib
Setiausaha

3. Ahmad Shukran Bin Haji Mohamed Salleh
Bendahari

4. Baharuddin Bin Ishak
Penolong Setiausaha

5. Abdul Rahim Bin Llin
Penolong Bendahari

6. M. Nasir Bin Ramli
Anggota Lembaga

7. Khairuzzaman Bin Mohammad
Anggota Lembaga

8. Mohamad Wafi Bin Mohamad Arof
Anggota Lembaga

9. Salehudin Shah Bin Shabudin
Anggota Lembaga

10. Kamarulzaman Bin Pid
Anggota Lembaga

11. Mohamad Anis Bin Abdullah
Anggota Lembaga

12. Dauza Binti Umat
Anggota Lembaga

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

SESI 2018/2019



1. Mohd Hidzir Bin Md Ismail
Pengerusi JKAD
2. Mohd Faizal Bin Abdul Azis
Ahli JKAD
3. Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali
Ahli JKAD
4. Mohamad Bin Yahya
Ahli JKAD
5. Rameshdev Singh A/L Gordeyap Singh
Ahli JKAD

KAKITANGAN IBU PEJABAT

JALAN RIONG, BANGSAR



KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD


BERDIRI DARI KIRI:

Sdri. Hanisah Munirah Abd Rahman, Sdr. Mohd Fakhri Abdul Koles,
Sdri. Nor Khairina Leela Nasarudin, Sdri. Noorhazifah Mohd Aminoor,
Sdr. Mohd Nazri Johari, Pn. Nor Amiza Azizi,
Sdr. Mohammad Putra Idzreen Mat Salihin, Sdri. Nur Azian A'arip
& Sdri. Normaheran Baharuddin

DUDUK DARI KIRI:

Pn. Nazirah Abd Manap
Eksekutif, Unit Komersial & Bisnes
Sdr. Ridzwan Ahmad
Pengurus Operasi
Pn. Rodziah Jamaah
Pengurus Besar
Pn. Azlina Ibrahim
Eksekutif Kanan, Unit Pentadbiran & Modal Insan / Unit Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi
Pn. Zuliza Jumai
Eksekutif Kanan, Unit Kewangan

KAKITANGAN AR-RAHNU X'CHANGE



AR-RAHNU X'CHANGE KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

DUDUK DARI KIRI:

Pn. Nur Ashieqin Abd Malid
Ketua Cawangan, Ar-Rahnu X'Change Dataran Mentari

Sdr. Amir Mat Kupli
Penolong Pengurus

Sdr Ismadi Ismail

Sdri. Ainin Sofea Abd Basid
Ketua Cawangan, Ar-Rahnu X'Change Bandar Seri Putera

BERDIRI DARI KIRI:

Sdri. Fatin Nabilah Kamarul Baharin & Sdri. Siti Rabiatul Nabilah Abdul Rahman

TIADA DALAM GAMBAR:

Sdr. Muhammad Zulhairi Zaharuddin

AKTIVITI KOPERASI NSTP 2018

SUMBANGAN KEBAJIKAN / DERMA



Sumbangan banjir kepada Sdr. Karuppayah & Sdr. Sayed Abu Bakar dan sumbangan khairat kepada Sdr. Marwan Mansor, anggota koperasi NSTP di Prai, Pulau Pinang. Sumbangan disampaikan oleh Encik Cham Nan, Plan Manager NSTP Prai dan Pengerusi Koperasi NSTP Sdr. Mohd Fadzil pada 21 Februari 2018.



Sumbangan 1 juta tudung untuk Kemboja diserahkan oleh Setiausaha Koperasi, Sdr. Zulfakar Wahib kepada Pengurus Besar Bahagian Pembangunan Komuniti, Pelancongan dan Kesihatan ANGKASA, Encik Ahmad Marzuki Ismail pada 26 Jun 2018.

KURSUS



Kursus Pengurusan Strategik yang disertai oleh Anggota Lembaga Koperasi NSTP pada 25 & 26 September 2018 di Sri Pena, Port Dickson, Negeri Sembilan.

MESYUARAT AGUNG KAWASAN



Zon Tengah, 03 Mac 2018



Zon Utara, 21 Februari 2018



Zon Selatan, 05 Mac 2018

AKTIVITI RAMADHAN



Agihan Bubur Lambuk di Bangsar



Agihan Bubur Lambuk di Sri Pentas



Agihan Bubur Lambuk di Balai Berita Shah Alam



Majlis Buka Puasa di Surau NSTP Bangsar



Majlis Buka Puasa di Surau Balai Berita Prai



Majlis Buka Puasa di Surau Sri Pentas



Majlis Buka Puasa di Surau Balai Berita Shah Alam



Sumbangan untuk Rumah Kasih Sayang di Rawang



Sumbangan kepada Anggota di NSTP Johor Bharu

JAMUAN AIDILFITRI



Jamuan Aidilfitri Ar-Rahnu X'Change Arena Mentari bagi menghargai pelanggan-pelanggan Ar-Rahnu.

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE 50



Mesyuarat Agung Perwakilan ke 50 yang diadakan pada 22 April 2018 bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang.

MAJLIS DOA SELAMAT DAN KESYUKURAN



Majlis doa selamat dan kesyukuran tajaan Koperasi NSTP diadakan pada bulan Disember setiap tahun di surau NSTP, Bangsar sempena tahun penubuhan koperasi, 11 Disember 1967. Pada tahun 2018, Majlis bersempena Anugerah Koperasi ke-34 terbaik, projek terbaru Ar-Rahnu Bandar Seri Putra dan juga penerimaan kunci Kondominium Sri Tijani.

NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-51

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51 akan diadakan pada **27 April 2019** bersamaan hari Sabtu, jam 8.30 malam di **Bilik Mesyuarat, Hatten Hotel, Hatten Square, Jalan Merdeka, Bandar Hilir, 75000 Melaka.**

AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50.
2. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan.
3. Menerima dan meluluskan:
 - a) Laporan Lembaga Bagi Tahun 2018.
 - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sessi 2018/2019.
 - c) Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.
 - d) Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2017.
4. Menimbang pembayaran dividen seperti disyorkan oleh Lembaga.
5. Menerima dan meluluskan
 - a) Skim Pelaburan Simpanan Tetap.
 - b) Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am.
6. Menerima dan meluluskan Pindaan Undang-undang Kecil Koperasi NSTP.
7. Mengesahkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2020.
8. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2019 dari senarai berikut :-
 - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
 - ii) Kamal Zahari & Co
 - iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
 - iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia)
9. Memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.
10. Memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi.
11. Melantik 10 orang jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51 yang harus terdiri daripada:
Empat (4) - Anggota Lembaga Enam (6) - Perwakilan
12. Menimbangkan usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-51.



ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha
28 Mac 2019

**KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
31 JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)**

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE - 50

TARIKH : 22 APRIL 2018 (6 SYAABAN 1439)
MASA : 8.30 - 11.30 PAGI
TEMPAT : BILIK ZENITH 6 & 7
THE ZENITH HOTEL
JALAN PUTRA SQUARE 6, PUTRA SQUARE
25200 KUANTAN, PAHANG

HADIR

Pengerusi	: Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani
Setiausaha	: Sdr. Zulfakar Wahib
Bendahari	: Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh
Penolong Setiausaha	: Sdr. Baharuddin Ishak
Penolong Bendahari	: Sdr. Abd Rahim Llin
Anggota Lembaga	: Sdr. M. Nasir Ramli
	: Sdr. Khairuzzaman Mohamed
	: Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof
	: Sdr. Salehudin Shah Shabudin
	: Sdr. Mohamad Anis Abdullah
	: Sdr. Kamarulzaman Pid
	: Pn. Dauza Umat
Perwakilan	: 47 orang
Pemerhati	: 1 orang

TURUT HADIR

Penolong Pengarah Kanan	: Pn. Nur Zayyani Mat Deris Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan
Pengurus Besar Kakitangan	: Pn. Rodziah Jama'ah : 10 orang

TIDAK HADIR

Perwakilan	: 1 orang
------------	-----------

KATA ALU-ALUAN PENGACARA MAJLIS

Pn. Nur Ashieqin Abd Malid (n.a 10030) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kedatangan semua perwakilan dan Pn. Nur Zayyani Mat Deris, Penolong Pengarah Kanan, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50 yang berlangsung di Zenith Hotel, Kuantan, Pahang.

BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) membacakan doa selamat.

LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu yang hadir berdiri untuk menyanyikan lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

BACAAN IKRAR OLEH PERWAKILAN

Semua perwakilan berdiri untuk membaca ikrar. Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir (n.a 6687) mengetuai bacaan ikrar.

UCAPAN PENERUSI KOPERASI

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran Pn. Nur Zayyani Mat Deris, Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan, Anggota Lembaga, Jawatankuasa Audit Dalaman, semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

Petikan daripada ucapan Pengerusi :

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinnya, sekali lagi dapat kita bersama-sama berhimpun di Kuantan, Pahang Darul Makmur untuk menjayakan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50.

Pada tahun 2017, Alhamdulillah prestasi KNSTP menunjukkan angka positif dengan pendapatan berjumlah RM2.7 juta, dimana pembiayaan anggota masih lagi merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak RM1.9 juta iaitu tujuh puluh satu peratus (71%) dari keseluruhan pendapatan.

Pendapatan lain disumbang oleh aktiviti Ar-Rahnu, sewa bangunan, pengurusan acara , pelaburan dan komisen insurans dan barangan pengguna.

Perbelanjaan pada tahun 2017 yang terdiri dari perbelanjaan pentadbiran dan kewangan berjumlah RM1.13 juta, berkurangan sebanyak 3% berbanding 2016. Dari jumlah tersebut keuntungan bersih bagi tahun 2017 adalah RM 1.14 juta.

Keuntungan bersih menurun berbanding tahun 2016, banyak dipengaruhi oleh kemerosotan pendapatan pembiayaan. Faktor-faktor luar kawalan seperti MSS dan penutupan operasi di Ajil dan Senai telah sedikit sebanyak menjejaskan operasi pembiayaan koperasi dan menyebabkan KNSTP telah kehilangan hampir 300 anggota.

Walaupun bagaimanapun, Anggota Lembaga (ALK) ingin mencadangkan pemberian dividen sebanyak 8% iaitu 5% ke atas modal yuran dan 3% ke atas modal saham. Semua anggota akan diberi pilihan samada menyimpan atau mengeluarkan dividen tersebut.

Insyallah koperasi berada di landasan yang betul di dalam mempelbagaikan sumber pendapatan untuk mengharungi cabaran semasa. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi memastikan koperasi bergerak maju ke hadapan.

Koperasi NSTP juga bercadang untuk membuka cawangan kedua Ar-Rahnu di Bandar Seri Putra . Premis tersebut yang merupakan kedai pejabat 3 tingkat telah dibeli dengan harga RM1.2 juta. Cawangan kedua ini dijangka akan dibuka pada bulan Julai 2018. Berdasarkan kajian setempat dan lokasi yang sesuai, Ar-Rahnu kedua ini dijangka akan menjana pendapatan di masa hadapan.

Disamping itu, perancangan koperasi dalam usaha membeli kedai pejabat dan lot kediaman iaitu Nadi Bangsar, Saville Kajang dan juga Sri Tijanni di Sungai Buloh akan mendatangkan hasil pada tahun 2018.

Manakala, bagi perniagaan Syarikat Bersekutu Koperasi iaitu Media Travel & Holidays Sdn Bhd telah menunjukkan tanda aras positif pada tahun 2017 dan dijangka akan terus maju.

Koperasi juga telah mengambil langkah proaktif dengan menjalinkan kerjasama perniagaan dengan syarikat Media Prima Berhad bagi menjana pendapatan koperasi. Di antara perancangan adalah seperti berikut a:-

- a. Kerjasama Unit Vertical Pendidikan NSTP - koperasi sebagai agen untuk bengkel UPSR/PT3 dan SPM disamping menjual buku-buku tersebut di Coopmart.
- b. Bekerjasama dengan Group Management Services mempromosikan Sri Pena sebagai lokasi untuk koperasi-koperasi dan SKM untuk mengadakan Mesyuarat Agung, kursus atau 'team building'.
- c. Tawaran mengendalikan operasi kiosk / kantin di Glenmarie.

Ini adalah di antara projek-projek yang dirancang oleh ALK untuk meningkatkan aktiviti koperasi di masa hadapan dan mendapat maklum balas yang positif dari pihak Media Prima Berhad.

ALK juga dalam perancangan untuk melaksanakan projek perumahan mampu milik khas untuk anggota Koperasi NSTP. Melalui rangkaian perniagaan di antara koperasi-koperasi perumahan dan hartanah serta Angkasa, ALK akan mengambil peluang ini untuk memberi manfaat kepada anggota. Kini, perkara ini masih di peringkat awal perbincangan dan pengurusan akan mendapatkan harga rumah mampu milik yang jauh lebih murah dari harga pasaran. Insyaallah dengan sokongan dari semua perwakilan, projek perumahan mampu milik ini akan menjadi kenyataan.

Setiap kali mesyuarat agung, satu pertiga (1/3) dari ALK wajib mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir. Pada tahun ini, lapan (8) calon yang layak telah menawarkan diri untuk bertanding jawatan tersebut seperti yang termaktub di dalam UUK Fasal 36. Adalah menjadi tanggungjawab para perwakilan untuk memilih calon pilihan masing-masing, kerana ALK yang bakal dipilih ini akan membawa hala tuju koperasi menuju misi, visi dan objektif koperasi.

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad selaku Yang Dipertua Koperasi dan Pn. Nur Zayyani Mat Deris, Penolong Pengarah Kanan, Suruhanjaya Koperasi Wilayah Persekutuan di atas kerjasama dan nasihat yang diberikan.

Selain itu, para perwakilan dan kakitangan KNSTP yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-50.

PEMILIHAN PENERUSI MESYUARAT

Pn. Nur Ashieqin Abd Malid (n.a 10030) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa "*Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut.*" Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi Koperasi NSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 ini.

KENYATAAN KORUM

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456) selaku pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30(1) "*Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan*". Keseluruhan perwakilan adalah empat puluh lapan (48) orang. Maka, satu pertiga dari empat puluh lapan (48) orang adalah enam belas (16) orang. Kehadiran pada hari ini adalah empat puluh tujuh (47) orang iaitu seorang sahaja tidak dapat hadir. Berdasarkan kehadiran ini, ianya telah melebihi dari korum yang diperlukan, maka, mesyuarat ini boleh dijalankan.

PEMILIHAN PENCATAT MINIT

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, pengerusi memohon cadangan bagi pemilihan dua pencatat minit. Beliau mencadangkan dua pencatat minit adalah Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) dan Pn. Zuliza Jumai (n.a 8338) serta diselia oleh Sdr. Zulfakar Wahib (n.a 3220), Setiausaha Koperasi NSTP (M) Berhad.

Keputusan : Pemilihan dua pencatat minit untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50 dicadang untuk diterima oleh Sdr. Hj. Shukor Othman (n.a 2502) dan disokong oleh semua perwakilan.

Dengan perlantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 dimulakan.

DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

AGENDA 1 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE- 49

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-49. (Rujuk Laporan Tahunan 2017 muka surat 13 - 33). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) berpendapat bahawa minit ke-49 adalah salah iaitu anggota lembaga yang gugur adalah 1/3 dan bukan 1/4 sebagaimana tercatat Laporan Tahunan 2017 muka surat 15.

Pengerusi memaklumkan bahawa kenyataan Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) adalah betul.

Keputusan : Setelah mengambil kira komen dari Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059), Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-49 disahkan dengan cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

**AGENDA 2 : PEMILIHAN
EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN**

Setiausaha memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456)
2. Sdr. Kamarulzaman Pid (n.a 5935)
3. Sdr. Baharuddin Ishak (n.a 6514)
4. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof (n.a 8485)

SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi telah menerima lapan (8) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (n.a 6456)
2. Sdr. Kamarulzaman Pid (n.a 5935)
3. Sdr. Zainuddin Abu Khair (n.a 1947)
4. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Aroff (n.a 8485)
5. Sdr. Baharuddin Ishak (n.a 6514)
6. Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234)
7. Sdr. Abdul Aziz Ibrahim (n.a 6893)
8. Sdr. Mohd Saqairi Hassan (n.a 6875)

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

JAWATANKUASA PEMANTAUAN DISIPLIN

Setiausaha juga memaklumkan bahawa Anggota Lembaga telah menubuhkan Jawatankuasa Disiplin yang terdiri daripada:-

- Pengerusi : Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261)
AJK : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995)
: Sdr. Mohamad Yahya (n.a 6786)

PEMILIHAN EMPAT (4) JAWATANKUASA PENGIRA UNDI

Sebelum memulakan agenda ini, Setiausaha mencadangkan supaya Ahli Jawatankuasa Pengira Undi adalah seperti berikut :-

- Ketua : Pn. Azlina Ibrahim (n.a 6656)
AJK : Pn. Nor Amiza Azizi (n.a 9229)
: Pn. Nur Ashieqin Abd Malid (n.a 10030)
: Sdri. Normaheran Baharuddin (n.a 10182)
: Sdri. Noorhazifah Mohd Aminoor (n.a 10179)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan.

PROSES PENGUNDIAN DIJALANKAN

Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) menerangkan tentang prosedur pengundian kepada semua perwakilan di mana setiap perwakilan perlu beratur kepada empat (4) barisan dan menyerahkan kupon undi untuk ditukarkan kepada borang undi melalui AJK Pengira Undi yang telah dilantik. Pembuangan undi akan dilakukan di meja yang telah ditetapkan sahaja. Calon yang dibenarkan untuk dipilih adalah maksimum empat (4) orang sahaja.

Mesyuarat diteruskan sementara proses pengiraan undian dijalankan.

KEPUTUSAN UNDIAN

Setiausaha mengumumkan keputusan undian bagi empat (4) calon yang berjaya mendapat undian tertinggi adalah seperti berikut :-

1. Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani	(n.a 6456)	29 undian
2. Sdr. Baharuddin Ishak	(n.a 6514)	27 undian
3. Sdr. Kamarulzaman Pid	(n.a 5935)	26 undian
4. Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Aroff	(n.a 8485)	24 undian

Keputusan : Berdasarkan undian tersebut, keempat-empat nama di atas dilantik sebagai Anggota Lembaga sesi 2018/2021.

BACAAN IKRAR & PENYERAHAN SIJIL PERLANTIKAN

Keempat-empat Anggota Lembaga bagi sesi 2018/2021 yang dilantik membaca ikrar di hadapan semua perwakilan diakhir mesyuarat.

Setiausaha menyerahkan sijil perlantikan sebagai Anggota Lembaga bagi sesi 2018/2021.

AGENDA 3 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN-LAPORAN

A) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2017

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2017. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Sumber Manusia
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart
- c) Jawatankuasa Pemasaran & Pelaburan
- d) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- e) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi
- f) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko

Rujuk Laporan Tahunan 2017 (muka surat 34-67).

Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) memaklumkan bahawa Sambutan Hari Koperasi Negara 2017 dihadiri oleh Sdr. Zolkefli Hamzah (n.a 3953) dan bukannya Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234) sebagaimana yang dilaporkan di dalam Laporan Tahunan muka surat 66. Perkara ini disahkan oleh kedua-dua perwakilan tersebut.

Keputusan : Laporan Lembaga bagi Tahun 2017 telah dibentang, diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Pn. Junaidah Harun (n.a 5996) dan disokong oleh Sdr. Hj. Shukor Othman (n.a 2502).

B) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2017/2018

Pengerusi membentangkan laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2017 (muka surat 68 - 70).

Pengerusi memaklumkan bahawa Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman telah menjalankan pengauditan setiap bulan.

Keputusan : Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2017/2018 telah dibentang, diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660).

C) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222) selaku Bendahari Koperasi NSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017. Rujuk Laporan Tahunan 2017 (muka surat 71 - 116).

Keputusan : Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017 telah dibentang, diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) dan disokong oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

D) PANDANGAN KETUA PENDAFTAR KE ATAS AKAUN KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Pengerusi membentangkan Pandangan Ketua Pendaftar ke atas Akaun Koperasi Berakhir 31 Disember 2016. Rujuk Laporan Tahunan 2017 (muka surat 117 - 119)

Pengerusi memaklumkan bahawa pandangan yang diberikan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia telah diambil kira dalam penyediaan Laporan Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.

Keputusan : Pandangan Ketua Pendaftar ke Atas Akaun Koperasi 31 Disember 2016 yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) dan disokong oleh Sdr. Hj Shukor Othman (n.a 2502).

Sdr. Zaiponizam Hamzah (n.a 5968) mengucapkan tahniah kepada pengurusan Koperasi NSTP kerana dapat menghantar semua laporan kepada semua perwakilan lebih awal bagi tujuan semakan dan perhatian.

AGENDA 4 : MELULUSKAN PEMBAYARAN DIVIDEN SEPERTI YANG DISYORKAN OLEH LEMBAGA DI DALAM LAPORAN LEMBAGA

Pengerusi memaklumkan bahawa merujuk kepada Akaun Pembahagian Keuntungan dalam Laporan Tahunan 2017 muka surat 79, keuntungan bersih tahun 2017 adalah RM1,137,451. Setelah ditolak pembahagian berkanun sebanyak RM170,618. Lembaga mengesyorkan kadar dividen adalah seperti berikut :-

Tiga peratus (3%) atas modal saham berjumlah RM 70,626.00

Lima peratus (5%) atas modal yuran berjumlah RM883,656.00

Keputusan : Pemberian dividen dengan kadar tiga peratus (3%) atas modal saham dan lima peratus (5%) atas modal yuran sepertimana yang disyorkan oleh Lembaga di dalam Laporan Lembaga diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239).

Pengerusi memaklumkan bahawa dividen akan dibayar sebelum perayaan Aidilfitri.

AGENDA 5 : MENERIMA DAN MELULUSKAN PINDAAN ATURAN SKIM PEMBIAYAAN KECEMASAN

Pengerusi membentangkan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Kecemasan. Rujuk Laporan Tahunan 2017 muka surat 120.

Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) bertanya, apakah beza antara pindaan skim ini dengan Skim Pembiayaan Tunai Segera. Ini kerana, minimum jumlah dipohon adalah RM500.00.

Pengerusi memaklumkan bahawa pindaan ini adalah untuk Skim Pembiayaan Kecemasan iaitu had maksima RM2,000.00.

Keputusan : Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Kecemasan yang dibentang telah diterima dan diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Ahmad Juanda Mohamed Yasir (n.a.6687) dan disokong oleh Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman (n.a 5234).

AGENDA 6 : MENGESAHKAN PINDAAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2018

Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222) selaku Bendahari Koperasi NSTP membentangkan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2018. Rujuk Laporan Tahunan 2017 muka surat 121 - 122.

Pengerusi memaklumkan bahawa pindaan dibuat kerana berdasarkan pendapatan sebanyak RM2 juta sebagaimana yang disasarkan sebelum ini adalah sukar untuk dicapai berpandukan keadaan ekonomi sekarang. Oleh itu, pindaan anggaran yang dicadangkan adalah lebih rasional.

Keputusan : Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2018 yang dibentang telah diterima dan disahkan atas cadangan oleh Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059) dan disokong oleh Sdr. Ahmad Azizi Ismail (n.a 5410).

AGENDA 7 : MENGESAHKAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2019

Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (n.a 5222) selaku Bendahari Koperasi NSTP membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2019, Rujuk Laporan Tahunan (muka surat 123 - 124).

Keputusan : Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2019 yang dibentang telah diterima dan disahkan atas cadangan oleh Sdr. Abdul Aziz Ibrahim (n.a 6893) dan disokong oleh Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212).

AGENDA 8 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2018

Pengerusi memaklumkan bahawa Juruaudit Luar bagi tahun kewangan 2017 adalah Kamal Zahari & Co. Senarai nama Juruaudit Luar yang perlu dilantik adalah seperti berikut :-

- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
- ii) Kamal Zahari & Co
- iii) Afrizan Tarmili Khairul Azhar Chartered Accountants
- iv) Hisham & Co Chartered Accountants (Malaysia) Berhad

Keputusan : Anggota Lembaga diberikan hak untuk memutuskan perlantikan Juruaudit Luar Koperasi yang bertauliah bagi tahun 2018 atas cadangan oleh Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241) dan disokong oleh Pn. Junaidah Harun (n.a 5996).

AGENDA 9 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA

Pengerusi memaklumkan bahawa Koperasi NSTP tidak menggunakan keseluruhan RM300,000,000 yang dipohon. Lembaga akan meminjam wang mengikut kegunaan dan keperluan.

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar keuntungan bank semasa telah diluluskan atas cadangan oleh Roslan Baharuddin (n.a 1979) dan disokong oleh Sdr. Mohd Saqairi Hassan (n.a 6875)

AGENDA 10 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI

Keputusan : Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan koperasi telah diluluskan atas cadangan oleh Sdr. Nazri Halid (n.a 6204) dan disokong oleh Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692).

**AGENDA 11 : MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-50 YANG TERDIRI DARIPADA :-
EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA
ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN**

Pengerusi memaklumkan bahawa empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 adalah seperti berikut :-

Cadangan Pertama	: Sdr. Ahmad Azizi Ismail	(n.a 5410)
Dicadang Oleh	: Sdr. Mohd Faizal Abdul Azis	(n.a.3371)
Disokong Oleh	: Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz	(n.a 4059)
Cadangan Kedua	: Pn. Junaidah Harun	(n.a 5996)
Dicadang Oleh	: Sdr. Mohd Redzuan Ab Rahman	(n.a 5234)
Disokong Oleh	: Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Cadangan Ketiga	: Sdr. Ahmad Nizam Eusoff	(n.a 5660)
Dicadang Oleh	: Sdr. Zaiponizam Hamzah	(n.a 5968)
Disokong Oleh	: Sdr. Shariff Ibrahim	(n.a 2241)
Cadangan Keempat	: Sdr. Zairani Zamri	(n.a 5239)
Dicadang Oleh	: Sdr. Roslan Baharuddin	(n.a 1979)
Disokong Oleh	: Sdr. Mohd Saqairi Hassan	(n.a 6875)
Cadangan Kelima	: Sdr. Khairi Abdul Khalid	(n.a.8212)
Dicadang Oleh	: Sdr. Mohd Fareed Izwan Shah	(n.a 7593)
Disokong Oleh	: Sdr. Ahmad Nizam Eusoff	(n.a 5660)

Cadangan Keenam : Sdr. Shariff Ibrahim (n.a 2241)
Dicadang Oleh : Sdr. Abdul Aziz Ibrahim (n.a 6893)
Disokong Oleh : Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660)

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan.

Keputusan : Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menutup pencalonan dan melantik enam (6) orang perwakilan seperti di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Ke-50.

AGENDA 12 :

MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-50

Setiausaha memaklumkan bahawa koperasi menerima lima belas (15) usul dari perwakilan. Rujuk Buku Usul.

Mesyuarat menerima ulasan dari Anggota Lembaga dan penjelasan tambahan telah dikemukakan semasa pembentangan usul-usul berikut:-

Usul Ke-4 : Melantik perwakilan ke dalam semua (6) Jawatankuasa Kecil yang sedia ada supaya perwakilan mendapat pendedahan sebaiknya / Jawatankuasa Kecil dibuka atau dilantik dari perwakilan atau ahli

Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) memaklumkan bahawa cadangan bukan untuk menambah ahli jawatankuasa kecil tersebut, tetapi sekiranya ada kekosongan ahli di kalangan anggota lembaga, ianya akan diisi oleh perwakilan. Dengan perlantikan ini, perwakilan akan diberikan tanggungjawab selain daripada hadir mesyuarat agung sahaja.

Setiausaha memaklumkan bahawa cadangan ini akan dibincangkan di mesyuarat lembaga.

Usul Ke-5 : Sesi pemilihan Exco dijalankan secara undian sulit / tertutup menggunakan kertas undian di antara Anggota Lembaga

Setiausaha memaklumkan bahawa sesi pemilihan exco yang dipraktikkan selama ini adalah undi angkat tangan.

Usul Ke-6 : Semua usul yang ditolak, dibincangkan / dibahaskan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan

Setiausaha memaklumkan bahawa usul tidak pernah ditolak. Sekiranya pembawa usul tidak berpuas hati dengan ulasan yang diberikan oleh anggota lembaga, pembawa usul boleh bangun dan bertanya semula kepada anggota lembaga.

Usul Ke-7 : Pertukaran dari Etiqa Takaful Mutiara kepada Flexi EB Takaful Ikhlas

Setiausaha memaklumkan bahawa usul ini adalah merujuk kepada pembentangan Skim Flexi dari Takaful Ikhlas.

Sdr. Zairani Zamri (n.a 5239) memaklumkan bahawa ada beberapa perkara atau isu yang perlu diberi maklum balas oleh Pn Juliana, pegawai Takaful Ikhlas.

Setiausaha memaklumkan bahawa punca sebenar pertukaran adalah kerana isu tuntutan yang lewat diselesaikan oleh Etiqa.

Pengerusi menjelaskan bahawa memang ada isu yang perlu diambil kira seperti perlindungan penyakit kritikal.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) memaklumkan bahawa semua perwakilan bersetuju dengan usul pertukaran, namun, Takaful Ikhlas perlu memberikan manfaat dan perkhidmatan yang terbaik.

Usul Ke-10 : Semua skim pembiayaan koperasi memperolehi Sijil Pematuhan Syariah dari Angkasa. Oleh itu, akad Al-Inah akan ditukar kepada Tawarruq dan Ijarah kepada Murabahah. Anggota perlu membayar tambahan kos semasa iaitu kos akad tawarruq sebanyak RM47.70 (termasuk GST)

Setiausaha memaklumkan bahawa usul ini adalah merujuk kepada pembentangan oleh Sdri. Nur Ashikin, Unit Pematuhan Syariah Angkasa.

Pengerusi menjelaskan bahawa usul ini diterima sebelum pembentangan. Semasa pembentangan, Sdri Nur Ashikin telah memberikan cadangan lain iaitu Sistem Bursa selain daripada Sistem Tawarruq Angkasa.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mengesyorkan supaya perkara ini diserahkan kepada anggota lembaga untuk membuat keputusan. Syor ini disokong oleh Sdr. Mohd Azlee Abdul Aziz (n.a 4059).

Usul Ke-14 : Pada Mesyuarat Agung Kawasan Zon, pencadang calon perwakilan diwajibkan hadir bersama calon yang bertanding

Setiausaha memaklumkan bahawa amalan ini telah dilaksanakan oleh Bank Rakyat. Seandainya, pencadang hadir lewat, kehadiran tidak diterima dan calon perwakilan juga akan ditolak.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) berpendapat bahawa usul ini tidak perlu kerana jika diamalkan, akan menyebabkan ramai calon yang gagal untuk bertanding. Ini kerana, ada kemungkinan pencadang tidak dapat hadir atas sebab yang tidak dapat dielakkan.

Setiasaha menyokong pendapat tersebut dan beliau tidak mahu perkara yang sama berlaku di Bank Rakyat berlaku di Koperasi NSTP.

Keputusan : Mesyuarat setuju untuk mengamalkan prosedur seperti sedia ada.

Usul Ke-15 : Mesyuarat Agung peringkat Kawasan Zon Tengah diadakan secara penggiliran tempat diantara Balai Berita Bangsar, Sri Pentas dan Balai Berita Shah Alam

Setiasaha memaklumkan bahawa keputusan pemilihan tempat dan tarikh adalah keputusan lembaga. Beliau menyatakan bahawa perkara ini telah dibincangkan secara terperinci di mesyuarat lembaga dimana beliau dan Pn Rodziah Jama'ah (n.a 6768) telah menyemak data dan membentangkan di mesyuarat lembaga. Exco telah bersetuju untuk mengadakan di Sri Pentas, namun ada pertikaian di mesyuarat lembaga, maka akhirnya mesyuarat lembaga memutuskan satu tempat sahaja iaitu Bangsar.

KOMEN DAN SARANAN PEGAWAI SKM

Sebelum mengakhiri mesyuarat, pengerusi memohon komen dari Pn. Nur Zayyani Mat Deris, Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Wilayah Persekutuan untuk memberikan komen dan saranan kepada semua perwakilan.

Pn. Nur Zayyani mengucapkan syabas kepada pengurusan Koperasi NSTP atas komitmen dan berdasarkan usia 50 Tahun, layak untuk menerima anugerah Jubli Perak. Beliau kagum dengan agenda serahan sijil kepada anggota lembaga yang dilantik kerana, dari pengetahuan beliau, ini adalah satu-satunya koperasi yang memberikan sijil perlantikan.

Mengikut statistik, koperasi yang didaftarkan adalah 13,000 buah koperasi, namun, untuk mendapatkan koperasi yang berkualiti, adalah sukar. Beliau yakin dan percaya, sekiranya prestasi koperasi dapat dikekalkan, Koperasi NSTP akan tergolong dalam 100 indeks koperasi terbaik. Ini kerana empat (4) elemen penting yang perlu ada adalah seperti berikut :-

- 1) Komitmen anggota lembaga, pengurusan dan anggota
- 2) Koperasi mempunyai aktiviti yang berfaedah. Aktiviti yang ekonomi berskala tinggi, iaitu hartanah, koperasi dibenarkan menjalankan aktiviti hartanah dengan syarat memperolehi kelulusan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Beliau memaklumkan bahawa pada tahun 2017 dan seterusnya, SKM akan giat melaksanakan kompaun ke atas koperasi.
Merujuk kepada ucapan pengerusi sebentar tadi, beliau meminta supaya Koperasi memastikan mematuhi GP18 "Pembukaan Cawangan iaitu mendapatkan kelulusan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia. permohonan membuka cawangan
- 3) Tadbir Urus yang baik dan patuh syariah
- 4) Patuh Perundangan - Bagi perundangan Akta 39 / 60, Koperasi NSTP telah menjalankan tanggungjawab tersebut.

Beliau memaklumkan bahawa kini, koperasi terbaik adalah Koperasi Permodalan Felda dan Coopbank (Bank Rakyat).

CADANGAN / HAL-HAL LAIN

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) bertanya destinasi Mesyuarat Agung Perwakilan bagi tahun 2019.

Pengerusi memaklumkan bahawa keputusan tempat adalah bergantung kepada bajet yang diperuntukkan.

Sdr. Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh (n.a 8176) mencadangkan Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-51 diadakan diluar negara seperti Hatyai atau Vietnam.

Pengerusi akan mempertimbangkan cadangan dan ianya masih tertakluk kepada lingkungan bajet yang telah diluluskan.

Sdr. Hj. Shukor Othman (n,a 2502) mengucapkan tahniah kepada anggota lembaga dan kakitangan kerana berjaya menganjurkan mesyuarat agung ini.

PROGRAM KEBAJIKAN - SUBSIDI YURAN KLINIK UPSR, PT3, SPM

Setiasaha memaklumkan bahawa koperasi akan menganjurkan satu lagi program kebajikan iaitu pemberian subsidi sebanyak RM50.00 kepada anak anggota yang mempunyai gaji RM3,000.00 dan kebawah untuk mengikuti Klinik anjuran Unit Vertical Pendidikan NSTP. Risalah dan borang telah diedarkan kepada semua perwakilan sebagai rujukan.

PENUTUP

Sebelum mengakhiri mesyuarat, pengerusi sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :-


DATUK SERI ABDUL JALIL ABDUL HAMID, Yang Dipertua Koperasi NSTP
PN. NUR ZAYYANI MAT DERIS, Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan,
KAMAL ZAHARI & CO (Juruaudit Luar Koperasi)
di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BHD,
KUMPULAN MEDIA PRIMA BHD,
SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BHD
ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY BHD dan
MALAY MAIL SDN BHD
yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

semua **ANGGOTA,**
ANGGOTA LEMBAGA,
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
PERWAKILAN DAN
KAKITANGAN KOPERASI
serta orang perseorangan yang telah memberi khidmat dan kerjasama.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50 ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

DISEDIAKAN OLEH








RODZIAH JAMA'AH
Pencatat Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50


ZULIZA JUMAI
Pencatat Minit
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50











DISEMAK OLEH :









ZULFAKAR WAHIB
Setiausaha
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-50


Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-50, yang diadakan pada hari Ahad, 22 April 2018 mulai jam 8.30 pagi di Bilik Zenith 6 & 7, The Zenith Hotel, Jalan Putra Square 6, Putra Square, 25200 Kuantan, Pahang; telah disemak dan ditentukan betul oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada 19 Mei 2018 jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

BIL	NAMA	JAWATAN	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	Pengerusi	6456	
2.	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	Bendahari	5222	
3.	Baharuddin Ishak	Pen. Setiausaha	6514	
4.	Abdul Rahim Llin	Pen. Bendahari	5261	
5.	Ahmad Azizi Ismail	Perwakilan	5410	
6.	Junaidah Harun	Perwakilan	5996	
7.	Ahmad Nizam Eusoff	Perwakilan	5660	
8.	Zairani Zamri	Perwakilan	5239	
9.	Khairi Abdul Khalid	Perwakilan	8212	
10.	Shariff Ibrahim	Perwakilan	2241	

**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-50
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
TEMPAT : ZENITH HOTEL, KUANTAN, PAHANG
TARIKH : 22 APRIL 2018
MASA : 8.30 PAGI**

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
	ANGGOTA LEMBAGA		
1	Mohd Fadzil Abdul Ghani	6456	
2	Zulfakar Wahib	3220	
3	Ahmad Shukran Mohamed Salleh	5222	
4	Abdul Rahim Llin	5261	
5	Baharuddin Ishak	6514	
6	M Nasir Ramli	4030	
7	Khairuzzaman Hj Mohamad	4915	
8	Salehudin Shah Shabudin	4488	
9	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	
10	Kamarulzaman Bin Pid	5935	
11	Mohammad Anis Abdullah	6619	
12	Dauza Umat	4886	
	PERWAKILAN		
13	Abd Rahim Desa	6639	
14	Abdul Aziz Bin Ibrahim	6893	
15	Ahmad Azizi Bin Ismail	5410	
16	Ahmad Juanda Bin Mohamed Yasir	6687	
17	Ahmad Nizam Bin Eusoff	5660	
18	Ganesan Vellaisamy	8450	
19	Hail Roshman Bin Ahmad	8172	
20	Hj Shukor Hj. Othman	2502	
21	Ismawaty Binti Mohamad	5971	22/4/18
22	Johari Bin Bahari	8751	
23	Junaidah Harun	5996	
24	Khairi Abdul Khalid	8212	

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
25	Ku Azmi Ku Saad	5339	TIDAK HADIR
26	Mahendran a/l M Thangathorai	4619	
27	Mohamad Bin Yahya	6786	
28	Mohd Azlee Abdul Aziz	4059	
29	Mohd Fareed Izwan Shah Bin Md Amin	7593	
30	Mohd Fauzi Bin Abu	8143	
31	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	
32	Muhammad Asyadi B Omar	7692	
33	Nazri Halid	6204	
34	Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh	8176	
35	Roslan Baharuddin	1979	
36	Shariff Ibrahim	2241	
37	Shahrul Azman Sharip	8581	
38	Thanarajan a/l S. Dorairaj	4018	
39	Visvalingam a/l Rajoo	2470	
40	Zainuddin Bin Abu Khair	1947	
41	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	
42	Zairani B Zamri	5239	
43	Zulkharnain B Abdul Rasid	5772	
	TURUT HADIR		
	JAWATANKUASA AUDIT DALAM		
44	Mohd Saqairi Hassan	6875	
45	Mohd Redzuan B Ab Rahman	5234	
46	Mohd Faizal Abdul Azis	3371	
47	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	
48	Zolkefli Hamzah	3953	
	PEMERHATI		
49	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
	SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN		
50	Nur Zayyani Binti Mat Deris		
51	Husna Binti Abdul Murad		
	KAKITANGAN		
52	Rodziah binti Jama'ah	6768	
53	Ridzwan bin Ahmad	6826	
54	Azlina Ibrahim	6656	
55	Zuliza Binti Jumai	8338	
56	Nor Amiza Azizi	9229	
57	Mohd Nazri Johari	8986	
58	Muhammad Putra Idzreen Mat Salihin	10043	
59	Normaheran Baharuddin	10182	
60	Nazirah Bte Abd Manap	10181	
61	Noorhazifah Binti Mohd Aminoor	10179	
62	Nur Ashieqin Binti Abd Malid	10030	

LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2018

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid, Ketua Pegawai Eksekutif The NSTP (M) Berhad atas sokongan yang telah beliau berikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada En. Syahrul Aidil Bin Mohamad Tajuddin, Penolong Pengarah Kanan Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada Koperasi NSTP sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

PENGURUSAN KOPERASI NSTP

Pengurusan Koperasi NSTP (M) Berhad terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan dua puluh satu (21) kakitangan. Koperasi NSTP menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan diri dan keluarga, kedai runcit, pajak gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change), sewaan kedai pejabat dan pengurusan acara.

Bagi tujuan melancarkan operasi, memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan Koperasi NSTP terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut :-

- a) Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan
- b) Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart
- c) Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d) Jawatankuasa Komersial & Bisnes
- e) Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f) Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

Kakitangan Koperasi NSTP turut terbahagi kepada lima (5) unit utama iaitu :-

- a) Unit Kewangan
- b) Unit Pentadbiran, Modal Insan & Komunikasi
- c) Unit Operasi, Khidmat Pelanggan & Kawalan Kredit
- d) Unit Komersial & Bisnes
- e) Unit Ar-Rahnu

PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2018 & PEMBAHAGIAN BERKANUN

Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2018.

KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

(Januari 2018 sehingga Disember 2018)

Bagi tahun 2018, anggota lembaga telah bermesyuarat sebanyak 13 kali. Kehadiran mesyuarat setiap anggota lembaga adalah seperti berikut : -

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	16	16	-	100%
Zulfakar Wahib	16	15	1	94%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	16	14	2	88%
Baharuddin Ishak	16	11	5	69%
Abdul Rahim Llin	16	16	-	100%
M. Nasir Ramli	16	14	2	88%
Khairuzzaman Mohammad	16	13	3	81%
Salehudin Shah Shabudin	16	15	1	94%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	16	15	1	94%
Kamarulzaman Pid	16	13	3	81%
Mohamad Anis Abdullah	16	12	4	75%
Dauza Umat	16	15	1	94%

KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI

(Januari 2018 sehingga Disember 2018)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Abdul Ghani	24	24	-	100%
Zulfakar Wahib	24	24	-	100%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	22	2	92%
Baharuddin Ishak	24	21	3	88%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
M. Nasir Ramli	24	21	3	88%
Khairuzzaman Mohammad	24	13	11	54%
Salehudin Shah Shabudin	24	22	2	92%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	24	-	100%
Kamarulzaman Pid	24	23	1	96%
Mohamad Anis Abdullah	24	15	9	63%
Dauza Umat	24	24	-	100%
Kamarulzaman Salleh	12	11	1	92%

Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elaun sepertimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elaun. *Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2017.*

PENUTUP

Kita sangat bersyukur di atas kejayaan yang dicapai. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya ingin memberi keyakinan bahawa segala usaha akan dipertingkatkan lagi bagi memastikan keupayaan Koperasi NSTP dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang. Pihak Anggota Lembaga akan memastikan segala dasar, strategi dan usaha yang dirancangan adalah bertepatan dengan kehendak Akta Koperasi dan juga seimbang dengan kehendak anggota.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota, Anggota Lembaga dan pihak pengurusan serta kakitangan, Koperasi NSTP akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Yang Dipertua Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalaman, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada Koperasi sepanjang tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



MOHD FADZIL ABDUL GHANI
Pengerusi

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
KEWANGAN, PENTADBIRAN & MODAL INSAN BAGI TAHUN 2018**



Duduk dari Kanan

Pn. Azlina Ibrahim (Ahli JKK), Sdr. Ahmad Shukran Mohamed Salleh (Pengerusi JKK)
& Pn. Nor Zuliza Jumai (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Kamarulzaman Pid (Ahli JKK), Sdr. Khairuzzaman Mohamed (Ahli JKK) &
Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Arof (Ahli JKK)

OBJEKTIF :

1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
2. Memelihara kedudukan koperasi supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
3. Memberi sokongan pendidikan kepada pengurusan koperasi bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
4. Memaksimumkan sumber koperasi samada sumber manusia mahupun kemudahan yang ada.
5. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.

LAPORAN BAGI TAHUN 2018

1) KEWANGAN

Rujuk Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018.

Koperasi NSTP telah mewujudkan **Skim Pelaburan Simpanan Tetap - Al-Mudharabah**. Tujuan skim pelaburan ini diwujudkan adalah untuk memberi peluang kepada anggota untuk melabur di koperasi dan membolehkan membantu koperasi menjalankan aktiviti perniagaan koperasi. Koperasi NSTP menganggarkan kadar keuntungan sebagai pulangan kepada pelabur adalah 4.10 % - 4.50 % setahun.

2) PENTADBIRAN

BELIAN ASET

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, Koperasi telah membeli aset tetap seperti berikut :-

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)
Peralatan dan Perisian Komputer			
1.	28/02/2018	Sistem Telefon PABX	3,665.00
2.	20/03/2018	Kerusi Pejabat (2 Unit) - Ar-Rahnu	1,180.00
3.	03/04/2018	Meja Bar - Coopmart	250.00
4.	10/04/2018	Steel Locker, Half Height Cupboard - Ar-Rahnu	755.00
5.	27/04/2018	Laptop HP 15-BS6422tx	2,121.70
6.	05/06/2018	Papan Tanda - Ar-Rahnu Dataran Mentari	4,160.00
7.	13/07/2018	Perubahan Modul Dividen	4,800.00
8	27/09/2018	Microwave Oven - Kiosk, Glenmarie	278.80
9.	24/04/2018	Kerusi 1 Highback, 2 Low Back - Kaunter Khidmat Pelanggan	1,350.00
10.	26/11/2018	Tilam - Nadi Bangsar	860.00
11.	24/12/2018	Naik Taraf Sistem Maklumat Keahlian & Perakaunan	85,500.00
Ubahsuai			
12.	05/09/2018	Ubahsuai - Kedai Pejabat Bandar Seri Putra	2,400.00
		JUMLAH	<u>107,320.50</u>

BANGUNAN

Koperasi telah membeli kedai pejabat 2 tingkat di Saville Kajang pada harga RM1,558,000.00 Pembelian adalah melalui Tabung Modal Pusingan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Tujuan pembelian adalah untuk disewakan dan menjalankan perniagaan yang bersesuaian.

Koperasi juga telah membeli sebuah Kondominium Sri Tijani dengan harga RM 580,000.00. Pembelian adalah melalui pembiayaan dengan Bank Rakyat Malaysia Berhad.

NAIK TARAF SISTEM MAKLUMAT KEAHLIAN DAN PERAKAUNAN

Pada tahun 2018, Anggota Lembaga Koperasi NSTP telah mengambil keputusan untuk naik taraf Sistem Maklumat Keahlian dan Perakaunan. Tujuan menaik taraf adalah untuk memastikan Sistem Maklumat Bersepadu Koperasi NSTP dapat mengeluarkan pelaporan yang terkini, mesra pengguna dan memastikan data anggota terpelihara .

Naik taraf adalah berdasarkan kajian atas setiap modul sedia ada disamping tawaran dari syarikat sistem yang lain.

Sebab sistem maklumat perlu naik taraf adalah kerana perkembangan teknologi dan perkembangan masa (perubahan keperluan pengguna).

Naik taraf terbahagi kepada 3 Fasa meliputi :-

- a) Pembangunan Sistem Menggunakan Visual Objects 2.8
- b) Penggunaan Cloud Server And Database Services (Remote Server).
- c) Pelaporan dalam format excel, pdf dan laporan tambahan
- d) Naik taraf atas Modul-modul Sedia ada
- e) Tambahan Modul-modul Baru
- f) Integrasi Dengan Sistem e-KNSTP

POLISI PENGGUNAAN KAD KREDIT MILIK KOPERASI NSTP

Dimaklumkan bahawa Koperasi NSTP telah menerima tawaran kad kredit dari Bank Islam Malaysia Berhad. Polisi penggunaan kad kredit telah diwujudkan bagi memberi garis panduan kepada pengurusan koperasi dalam penggunaan kad kredit. Kad kredit disediakan oleh syarikat bertujuan untuk mengurangkan penggunaan wang tunai

3) MODAL INSAN

KAKITANGAN

Koperasi telah melantik 4 orang kakitangan baru pada November 2018 bagi melancarkan operasi Koperasi supaya lebih efisien iaitu :-

Unit Ar-Rahnu

- a) Sdr. Muhammad Zulhairi Bin Zaharuddin
- b) Sdri. Siti Rabiatal Nabilah Binti Abdul Rahman

Unit Kewangan

- c) Sdr. Mohammad Khairie Bin Sawal

Unit Komersial & Bisnes

- d) Sdri. Hanisah Munirah Binti Abd Rahimi

Semua kakitangan yang dilantik adalah berstatus kontrak.

Manakala, seorang kakitangan iaitu Pn Salwa Binti Badaruddin telah bersara awal.

SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN

Pada tahun 2018, JKK telah membuat pindaan dalam Skim Perkhidmatan Kakitangan seperti pindaan Anugerah Perkhidmatan, Cuti Haji, dan Penamatan Perkhidmatan bagi memastikan keperluan dan kebajikan kakitangan terpelihara.

PERUBAHAN STRUKTUR KAKITANGAN

Perubahan struktur kakitangan secara peralihan telah dilaksanakan mulai Oktober 2018. Tujuan peralihan tugas adalah bertujuan untuk memastikan perubahan struktur kakitangan pada tahun 2019 berjalan lancar.

SEMINAR DAN PELAJARAN

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan dalam Koperasi, setiap tahun, pengurusan koperasi akan menghantar anggota lembaga, jawatankuasa audit dalam dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh Anggota Lembaga, kakitangan dan perwakilan koperasi NSTP sepanjang tahun 2018 adalah di Lampiran A.

PENUTUP

JKK berharap setiap langkah penjimatan yang dijalankan akan memberi kesan positif dalam kewangan koperasi. Bantuan dari semua JKK Koperasi, perwakilan dan anggota amat diperlukan untuk membawa Koperasi lebih daya saing dengan Koperasi lain.

Sekian.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



Ahmad Shukran Mohamed Salleh
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran & Modal Insan

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
PEMBIAYAAN, KHIDMAT PELANGGAN & COOP MART BAGI TAHUN 2018**



Duduk dari Kanan

Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (Ahli JKK), Sdr. Abdul Rahim Llin (Pengerusi JKK) &
Sdr. Mohamad Anis Abdullah (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Pn. Nor Amiza Azizi (Ahli JKK), Sdr. Mohamad Wafi Mohamad Aroff (Ahli JKK) &
Sdr. Ridzwan Ahmad (Ahli JKK)

OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membantu anggota mengurangkan bebanan ekonomi yang semakin meningkat.
2. Menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dalam mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar mahupun anggota koperasi.
3. Memberi perkhidmatan, perlindungan & pembiayaan secara setempat (“one stop centre”).

Oleh itu, jkk akan sentiasa :

- a) Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- b) Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- c) Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- d) Memastikan penjualan barangan di coop mart memenuhi kehendak anggota.

LAPORAN BAGI TAHUN 2018

1) PEMBIAYAAN

Laporan pengeluaran dan pembayaran skim pembiayaan anggota adalah seperti dalam Penyata Kewangan 31 Disember 2018.

Pada tahun 2018, Koperasi telah melaksanakan **Pertukaran Terma Produk Syariah** untuk semua Skim Pembiayaan.

KONSEP SYARIAH (LAMA)	KONSEP SYARIAH (BARU)
Al-Inah	Tawarruq
Al-Ijarah	Murabahah
Al-Qardhul hassan	Qard

Perubahan konsep syariah adalah berdasarkan saranan Ahli Jawatankuasa Pematuhan Syariah Angkasa. Semakan terhadap keseluruhan produk skim pembiayaan dan Ahli Jawatankuasa mendapati ia adalah selaras dengan kehendak dan tuntutan Syariah.

Oleh itu, Koperasi NSTP layak menerima **Sijil Pematuhan Syariah** dan ianya sah sehingga 31 Julai 2020. Dato' Haji Abdul Fattah bin Haji Abdullah, Presiden ANGKASA telah menyerahkan sijil berkenaan kepada Sdr. Ahmad Shukran, Bendahari Koperasi pada 27 Februari 2019 di Tenera Hotel, Bangi, Selangor.

2) KHIDMAT PELANGGAN

- a) **Pemberitahuan status pembiayaan anggota** melalui sistem pesanan ringkas, memberi kemudahan pengiraan kelayakan pembiayaan, pembaharuan perlindungan kenderaan dan cukai jalan dengan mudah dan pembayaran bil-bil setempat.
- b) Koperasi NSTP juga mengambil **butiran aduan dari anggota**. Ini bertujuan untuk menambah baik mutu khidmat pelanggan disamping memastikan aduan yang sama tidak akan berulang lagi. Selain itu, JKK akan berbincang dan memberikan jalan penyelesaian atas aduan yang diterima.
- c) Koperasi NSTP telah mengadakan **kajian soalan kaji selidik** bagi tujuan mengetahui kepuasan pelanggan atas perkhidmatan pelanggan. Keseluruhan anggota berpuas hati terutama perkhidmatan di Coopmart.
- d) Pada bulan September 2018, Koperasi NSTP telah menukar **Skim Takaful Mutiara ke Skim Flexi EB Takaful Ikhlas**. Pertukaran skim bertujuan untuk memperoleh skim perlindungan yang lebih baik untuk manfaat anggota dan keluarga terutama perkhidmatan selepas jualan dan tuntutan.

3) COOP MART

Prestasi jualan adalah sepertimana Penyata kewangan 31 Disember 2018.

Coop mart berfungsi untuk memudahkan anggota mendapatkan produk terkini di pasaran. JKK akan sentiasa menghebahkan, memasarkan produk milik anggota dan seterusnya memberi peluang kepada anggota untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Koperasi NSTP telah menerima tawaran dari syarikat untuk menjual **set soalan UPSR, PT3 & SPM** pada tahun 2018. JKK Komersial & Bisnes telah melaksanakan projek jualan ini kepada anggota dan sekolah-sekolah di seluruh negeri. Bermula tahun 2019, Coopmart akan mengambil alih jualan produk tersebut kerana ianya merupakan bisnes yang berpotensi.

4) KIOSK GLENMARIE

Pengurusan Media Prima Berhad telah menawarkan kontrak jualan makanan berbungkus (pre-packed food) secara kiosk di Glenmarie, Shah Alam bermula Jun 2018. Kini, bermula Februari 2019, pihak syarikat telah membenarkan penggunaan dapur dan seterusnya menjual makanan 'ala- carte'.

PENUTUP

JKK akan sentiasa berbincang bagi tujuan menambahbaik mutu perkhidmatan terutama urusan dikaunter dan komunikasi dengan anggota. Promosi berterusan akan dilaksanakan agar anggota tidak terlepas pandang tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan. Dengan cara ini, koperasi dapat menjana lebih keuntungan serta memberi lebih manfaat kepada anggota.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIME PRESS (M) BERHAD



ABDUL RAHIM LLIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Coop Mart

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
KUTIPAN, LITIGASI DAN PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2018**



Duduk dari Kanan

Sdri. Noorhazifah Mohd Aminoor (Ahli JKK),
Sdr. Zulfakar Wahib (Pengerusi JKK) & Pn. Dauza Umat (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Baharuddin Ishak (Ahli JKK), Sdr. Ridzwan Ahmad (Ahli JKK) &
Sdr. M. Nasir Ramli (Ahli JKK)

PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembiayaan dari siberhutang (peminjam yang berhenti syarikat dan meninggalkan baki pembiayaan).

OBJEKTIF

1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik baki pembiayaan dan berusaha meningkatkan kutipan setiap bulan serta mengurangkan baki tunggakan pembiayaan.
2. Mengeluarkan notis secara konsisten dan berperingkat.

LAPORAN BAGI TAHUN 2018

1) KUTIPAN

PRESTASI

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2017 & 2018 :-

BULAN	2017	2018
JANUARI	46,308.02	52,445.72
FEBRUARI	34,395.52	12,244.59
MAC	68,486.95	30,876.21
APRIL	31,770.49	15,675.80
MEI	39,046.34	31,178.85
JUN	20,099.43	20,937.35
JULAI	37,042.65	31,532.34
OGOS	33,828.22	30,636.11
SEPTEMBER	96,605.03	25,401.00
OKTOBER	20,955.53	30,550.43
NOVEMBER	15,857.91	32,028.72
DISEMBER	14,843.82	49,795.36
JUMLAH	459,239.91	363,302.48

2) LITIGASI

Tindakan perundangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 adalah seperti berikut :-

JENIS TINDAKAN	KATEGORI	BILANGAN ANGGOTA
Selesai Bayaran		25
Proses Guaman		2
Tribunal	Daftar	13
Agen Pengutip Hutang		94
Award Perseujuan	Individu	7
Award Ingkar	Individu	18
Penjamin	Individu	9

Faktor peningkatan baki pembiayaan :-

1. Berhenti dari syarikat termasuk anggota yang menerima tawaran Skim Pemisahan Sukarela (MSS).
2. Prosedur potongan gaji penjamin sukar dilaksanakan kerana potongan sedia ada tinggi.
3. Penjamin telah berhenti dan caruman mencukupi untuk membayar baki pembiayaan sendiri.
4. Proses Litigasi mengambil masa.
5. Proses bankrap kurang berkesan kerana peminjam masih gagal membuat pembayaran walaupun telah disahkan bankrap.

3) PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

Sepanjang tahun 2018, JKK telah membincangkan pengurusan risiko untuk perkara-perkara berikut :-

1. KAWALAN PERMOHONAN PEMBIAYAAN DARI ANGGOTA YANG MEMPUNYAI REKOD WEAK DALAM LAPORAN SPEKAR IAITU 1 & 2

TARIKH MESYUARAT : 16 OKTOBER 2018

Pemohon Skim Pembiayaan Peribadi mempunyai rekod Weak Score 1 & 2 dalam Laporan Spekar iaitu pemohon mempunyai bayaran tertunggak pembiayaan diluar **KEPUTUSAN**

JKK menetapkan prosedur iaitu :-

- a) Kelonggaran diberikan kepada tunggakan yang tidak serius.
- b) Peminjam perlu membayar minima pembiayaan yang tertunggak diluar sebagai syarat kelulusan.

2. SKIM PELABURAN SIMPANAN TETAP

TARIKH MESYUARAT : 16 NOVEMBER 2018

JKK Kewangan bercadang mendapatkan dana dengan menawarkan Skim Pelaburan Simpanan Tetap kepada anggota. Tempoh matang adalah antara 6-24 bulan dengan anggaran kadar pulangan adalah 4.10% sehingga 4.5% setahun.

KEPUTUSAN

JKK telah menganalisa aturan skim pelaburan ini dan mendapati ianya tiada risiko yang berat dan mencadangkan dibawa ke mesyuarat lembaga untuk kelulusan. Mesyuarat Lembaga menerima cadangan JKK.

PENUTUP

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko akan terus berusaha untuk meningkatkan jumlah kutipan dan mengurangkan risiko dalam semua urusan.

Sekian, wassalam

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



ZULFAKAR WAHIB

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko

LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KOMERSIAL DAN BISNES BAGI TAHUN 2018



Duduk dari Kanan

Pn. Nazirah Manap (Ahli JKK), Sdr. Baharuddin Ishak (Pengerusi JKK) &
Sdri. Hanisah Munirah Abd Rahimi (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Salehuddin Shah Shabudin (Ahli JKK),
Sdr. Mohd Anis Abdullah (Ahli JKK) & Sdr. Abd Rahim bin Llin (Ahli JKK)

OBJEKTIF

1. Kenal pasti projek dan perniagaan baru yang berpotensi (berkualiti & jangka panjang)
2. Pengurusan hartanah secara efektif
3. Mengenalpasti pelaburan yang akan memberi pulangan

LAPORAN BAGI TAHUN 2018

Prestasi pendapatan JKK adalah berdasarkan Laporan Kewangan 31 Disember 2018.

1) PENGIKLANAN

Iklan dalam Buku Laporan Tahunan Koperasi NSTP adalah tajaan dari pembekal dan rakan niaga Koperasi NSTP.

2) PENGURUSAN ACARA / KOMERSIAL BISNES

2.1 PORTAL JUALAN ONLINE KOPERASI NSTP

Portal jualan online telah dilancarkan pada tahun 2018. Orang ramai boleh melayari laman portal di <https://www.coopnstp.com> untuk mendapatkan barangan koperasi dan lain-lain produk yang ditawarkan.

2.2 MESIN SEWA AIR

Mesin minuman telah diletakkan di hadapan Coopmart dan di Kiosk Glenmarie. Mesin minuman ini telah memudahkan anggota terutama yang bertugas 'shift' malam untuk membeli air minuman.

2.3 KIOSK MAKANAN BERBUNGKUS ('PRE-PACKED FOOD') DI GLENMARIE

Pengurusan Media Prima Berhad telah menawarkan kepada Koperasi NSTP perkhidmatan jualan makanan berbungkus ('Pre-packed Food') kepada kakitangan Media Prima di Glenmarie. Kiosk ini bermula Jun 2018. Sambutan dari kakitangan memberangsangkan. Kini, syarikat telah membenarkan menggunakan peralatan memasak di dapur berkenaan bagi membolehkan memasak masakan secara 'ala carte'.

2.3 KLINIK UPSR & PT3

JKK telah dilantik sebagai agen bagi mendapatkan peserta bagi Klinik UPSR & PT3 terutama kepada anak-anak anggota dari Koperasi di Selangor & Wilayah Persekutuan. JKK telah berjaya memperolehi penyertaan dari 22 orang anak-anak koperasi.

3) PENGURUSAN HARTANAH

3.1 KONDOMINIUM SERVIS RESIDENSI NADI BANGSAR

Alamat : Lot 28-15, Nadi Bangsar Residence, Jalan Tanduk 59100 Kuala Lumpur.
Lot ini disewakan kepada penyewa sehingga September 2018. Kini, ianya akan dijadikan 'travel stay' sementara memperolehi penyewa baru.

3.2 KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT DI SAVILLE KAJANG

Alamat : Lot 10, Bangunan Saville Kajang, Jalan Reko, Kajang, Selangor.
Kedai pejabat telah siap dan bersedia untuk disewakan.

3.3 KEDAI PEJABAT 3 TINGKAT DI BANDAR SERI PUTRA

Alamat : No 26, Jalan Seri Putra ½ Bandar Seri Putra, 43000 Bangi Selangor.
Kedai pejabat di tingkat 1 & 2 telah disewakan kepada Aicobina Sdn Bhd, Sri Bina Jaya Sdn Bhd dan Ocean Blue Sdn Bhd. Manakala, tingkat bawah, Koperasi NSTP akan menjalankan perniagaan cawangan kedua Ar- Rahnu X'Change dan telah beroperasi mulai 27 Mac 2019.

3.4 KONDOMINIUM SRI TIJANNI DI SUNGAI BULOH

Alamat : Lot 12-9, Kondominium Sri Tijanni, Bukit Rahman Putra 47000 Sungai Buloh, Selangor.
Kondominium telah siap dan bersedia untuk disewakan.

STRATEGI KEMPEN

Strategi untuk semua perniagaan adalah melalui hubungan baik antara koperasi di Malaysia, sebaran poster melalui email, talian whatsapp dan media sosial seperti Facebook dan Instagram selain dari kaunter penerangan dan seminar.

PELAN TINDAKAN PERNIAGAAN 2019

A) Pengiklanan

JKK akan berusaha mendapatkan tajaan iklan dari pembekal koperasi dan syarikat luar dengan menawarkan pakej iklan termasuk promosi di laman web, Facebook dan Banting.

B) Pengurusan Acara

Super Liga Challenge

Bagi tahun 2019, JKK akan menumpukan perhatian kepada penganjuran Super Liga Challenge yang melibatkan sukan 'extreme' iaitu memanah, paintball, dan Go-Kart. Super Liga Challenge ini akan melibatkan penyertaan dari syarikat korporat dan koperasi-koperasi luar.

Pertandingan Joran

Pertandingan ini terbuka kepada anggota dan orang ramai.

Bengkel Membuat Kuih & Roti

Bengkel membuat kuih dan roti adalah bengkel asas yang ditawarkan kepada anggota khususnya untuk kaum wanita. Selain itu, anggota dapat menjana pendapatan dengan memasarkan produk tersebut di Coopmart.

Kelas Mengaji Al-Quran

Kelas Mengaji Al-Quran terbuka kepada anggota-anggota yang beragama Islam yang ingin menambah pengetahuan dalam menguasai bacaan Al-Quran. Kelas bimbingan Al-Quran ini akan dikendalikan oleh Ustaz mahir dan professional.

Bengkel Didik UPSR, PT3 dan SPM

JKK dengan kerjasama Unit Didik BH memberi peluang kepada anak-anak anggota dari koperasi lain untuk menghadiri Bengkel Didik UPSR, PT3 dan SPM. Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini akan dikendalikan oleh pihak DIDIK BH.

Pakej Seminar

JKK akan bekerjasama Institut Koperasi Malaysia, Angkasa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk penyediaan lokasi kursus dan seminar di Sri Pena, Port Dickson. Modus operandi JKK adalah memasarkan kemudahan Seri Pena (dewan seminar, dewan makan, penginapan, surau) kepada agensi tersebut. Selain itu, tawaran kepada koperasi-koperasi lain yang berminat untuk mengadakan kursus, seminar, mesyuarat, brainstorming, teambuilding dan lain-lain.

C) Bisnes Online

Perniagaan ini merupakan salah satu peluang kepada anggota untuk mempamerkan produk mereka didalam portal jualan Koperasi NSTP. JKK akan mempromosikan produk di dalam media sosial seperti facebook dan instagram secara *live*.

D) Peluang Perniagaan Baru

i) Dobi

JKK bercadang untuk menjalankan perniagaan dobi kepada orang awam. Sebelum menceburi perniagaan ini, JKK akan membuat perancangan yang teliti termasuk dari segi kos, lokasi dan syarikat perunding untuk menjayakannya.

ii) TASKA

JKK bercadang untuk membuka sebuah Taska atau Pusat Jagaan Kanak-kanak bagi anak kakitangan Media Prima Berhad. Pembukaan taska ini bertujuan untuk menyokong saranan Timbalan Perdana Menteri Malaysia untuk memudahkan para ibu untuk meletakkan anak-anak mereka dibawah jagaan syarikat masing-masing.

SASARAN DAN PELAKSANAAN BAGI TAHUN 2019

SASARAN PENDAPATAN

JKK telah mensasarkan pendapatan untuk aktiviti pengiklanan, pengurusan acara dan bisnes baru sebanyak **RM108,000.00**. Manakala kutipan sewa dari hartanah sebanyak **RM 291,000.00**

PENUTUP

Secara keseluruhan, pada tahun 2018, Koperasi telah mempelbagaikan aktiviti dan sentiasa mencari peluang perniagaan baru bagi menjana pendapatan koperasi. Selain itu, penyertaan dari Koperasi luar terutama untuk Bengkel Didik akan mengeratkan silaturrahim antara anggota dan koperasi luar. JKK akan berusaha untuk mempertingkatkan mutu prestasi dalam setiap program yang akan diadakan dan mempelbagaikan strategi yang lebih efektif demi kemajuan Koperasi NSTP dan anggota.

Sekian, terima kasih

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



Baharuddin Ishak
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Komersial dan Bisnes

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
AR-RAHNU BAGI TAHUN 2018**



Berdiri dari Kanan

Sdr. Amir Mat Kupli (Ahli JKK), Sdr. Ahmad Shukran Mohd Salleh (Ahli JKK),
Sdr. Mohd Fadzil Abdul Ghani (Pengerusi JKK),
Sdr. M Nasir Ramli (Ahli JKK) & Sdr. Salehudin Shah Shabudin (Ahli JKK),

OBJEKTIF :

- ❖ Berkebajikan menawarkan peluang pembiayaan Mikro Kredit kepada masyarakat setempat bagi menampung peningkatan ekonomi yang mudah
- ❖ Menjana Pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah

LAPORAN BAGI TAHUN 2018

4) PRESTASI

Prestasi Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP adalah seperti berikut:-

BUTIRAN	2017 (RM)	2018 (RM)
Nilai Marhun	8,573,716	7,022,629
Gadaian di keluarkan	5,735,209	5,116,990
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	427,733	348,844
Bayaran upah simpan yang diterima	1,093,719	1,059,970
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	7,120,858	6,500,237

5) PERBANDINGAN

Perbandingan antara 2017 dan 2018 :-

- Nilai marhun dan gadaian menurun disebabkan oleh kebanyakan pelanggan telah menggunakan skim 80% margin dari pinjaman terdahulu. Disebabkan ini, kebanyakan pelanggan tidak layak untuk memohon pinjaman bertindih. Perubahan kenaikan margin tersebut telah dibehentikan serta-merta kerana ianya memberi impak besar kepada semua outlet Ar-Rahnu seluruh Malaysia.
- Dalam masa yang sama, Ar-Rahnu telah menganjurkan program cabutan bertuah bermula Oktober 2017 sehingga April 2018, pelaksanaan kemaskini maklumat pelanggan dan memberi khidmat pelanggan terbaik.
- Graf Harga Emas bagi tahun 2018 menurun berbanding 2017. Harga emas yang tidak menentu telah menyebabkan ramai pelanggan tidak layak membuat gadaian baru atau pinjaman bertindih.
- JKK telah menetapkan supaya mencari alternatif bagi meningkatkan jumlah gadaian. Program galakan seperti Program Cabutan Bertuah perlu diteruskan kerana ianya memberi impak yang positif terutamanya untuk menarik perhatian pengadai baru. Selain itu, Kad Touch & Go edisi khas keluaran Ar-Rahnu Dataran Mentari diberi kepada pelanggan yang menggadai melebihi RM3,000.
- Jangkaan upah simpan (6 bulan) bergantung kepada jumlah pengadai. Jikalau pengadai meningkat secara tidak langsung jangkaan Upah Simpan (6 Bulan) akan bertambah. Ini kerana Nilai Marhun, Gadaian dan Upah Simpan adalah seiring. Maka, kepentingan program galakan dan perancangan yang sistematik perlu bagi menentukan pendapatan Upah Simpan mengikut jadual yang ditetapkan
- Bayaran Upah Simpan menurun sedikit disebabkan oleh pelanggan sudah bertukar alamat dan no. telefon. Pelan tindakan telah dilaksanakan iaitu memastikan segala maklumat dikemaskini setiap hari di kaunter khidmat pelanggan. Ini bertujuan supaya pelanggan dapat dihubungi dan notis dapat dihantar kepada pelanggan terutama berkaitan akaun yang akan tamat tempoh.
- Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang di terima pada tahun 2018 menurun berbanding dengan tahun 2017. Ini kerana proses lelongan terakhir pada bulan Disember 2018 tidak dapat diadakan mengikut jadual yang sepatutnya kerana harga rezab pada tarikh tersebut terlalu tinggi. Perancangan yang tepat semasa lelongan perlu diambil berat kerana ia akan mengganggu peratusan NPL (akaun tamat tempoh Matang)
- Secara keseluruhan, prestasi Ar-Rahnu 2018 menurun kerana faktor iaitu penurunan harga emas, peningkatan kos operasi, dan perubahan margin 70% kepada 80% pinjaman untuk produk Ar-Rahnu.
- Walaubagaimanapun, JKK akan membuat perancangan berjadual bagi memastikan peningkatan keuntungan bagi tahun 2019 dicapai dan secara tidak langsung ianya akan menjadi penyumbang kedua utama bagi koperasi selepas pemberian pembiayaan kepada anggota.

6) SASARAN DAN PERLAKSANAAN AR-RAHNU BAGI TAHUN 2019

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan:-

- Memastikan modal pusingan mencukupi dalam anggaran RM1 juta sebulan
- Mengadakan lelongan awam berjadual iaitu 2 kali dalam tempoh sebulan kepada surat gadaian yang tidak dituntut mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Memastikan tunggakan kurangan lelongan dikutip mengikut jadual
- Mengalakkan pengguna menggadai dengan cara mempromosikan Ar-Rahnu X'Change di sekitar kawasan premis.
- Mewujudkan Program Galakan seperti Cabutan Bertuah 2 kali dalam setahun.
- Memastikan Khidmat Pelanggan di kawal selia mengikut jadual.

- Mengalakkan Pemborong & Peggadai sebagai rakan niaga dalam mempromosikan kebaikan Ar-Rahnu secara meluas.
- Mewujudkan program dengan persatuan Rukun Tetangga di kawasan premis yang berhampiran.
- Mewujudkan program hari bertemu pelanggan
- Membuka cawangan kedua Ar-Rahnu X'Change di Bandar Seri Putra bagi tujuan menjana pendapatan Koperasi NSTP.
- Memberi komisen kepada pelanggan yang membawa pelanggan baru
- Koperasi Induk membeli barangan lelongan untuk dijual sebagai barang “Prelove”

PENUTUP

JKK akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perniagaan supaya terus maju sehingga memperolehi penganugerahan sebagai francais terbaik.

Sekian, terima kasih.

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



MOHD FADZIL BIN ABDUL GHANI
Pengerusi
Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

**LAPORAN JAWATANKUASA KECIL
KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & KOMUNIKASI BAGI TAHUN 2018**



Duduk dari Kanan

Sdr. Kamarulzaman Pid (Ahli JKK), Sdr. Zulfakar Wahib (Pengerusi JKK) &
Sdr. Khairuzzaman Mohammad (Ahli JKK)

Berdiri dari Kanan

Sdr. Mohd Nazri Johari (Ahli JKK), Pn. Dauza Umat (Ahli JKK),
Pn. Azlina Ibrahim (Ahli JKK) & Sdr. Kamarulzaman Salleh (Ahli JKK)

OBJEKTIF :

1. Sebagai penghubung antara koperasi dengan anggota dan rakan niaga.
2. Mengkaji dan merancang tindakan untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
3. Menghebahkan dan mempromosi maklumat tentang koperasi kepada semua anggota.
4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
5. Memastikan kebajikan anggota terpelihara.

LAPORAN BAGI TAHUN 2018

1) KEANGGOTAAN

JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:-

- a) Kempen keahlian - pencadangan menerima baucar Coop Mart bernilai RM10.00
- b) Kelulusan segera permohonan keanggotaan semasa promosi atau karnival.
- c) Tawaran kepada bukan anggota melalui email dan risalah.
- d) Menawarkan dan mempromosikan keahlian kepada kakitangan kontrak - manfaat menjadi ahli adalah kelayakan skim pembiayaan jangka pendek dengan maksima pembiayaan RM5,000.00.
- e) Menawarkan keahlian kepada ahli keluarga anggota.
- f) Menawarkan keahlian kepada kakitangan rakan niaga koperasi.

2) KEBAJIKAN

SKIM PERLINDUNGAN DIRI DAN KELUARGA

A) SKIM MCIS IKHTIARI -MCIS ZURICH INSURANCE BERHAD

Pihak koperasi telah membuat permohonan pemberhentian bagi pihak anggota.

Bil	Nama	No Anggota
1.	Saravanan A/L Arumugam	6064
2.	Robiah Binti Osman	3538
3.	Razaimy Bin Ramli	4671
4.	Hussin Bin Dollah	6674
5.	Abd Ghani Bin Ahamad	6761
6.	Azhar Bin Ahmad	6191
7.	Vejaya lethumy A/P Kanagasabapath	2617

Pembayaran telah dilakukan oleh syarikat MCIS secara autokredit ke akaun anggota.

B) SKIM TAKAFUL MUTIARA - ETIQA TAKAFUL BERHAD

Tuntutan Faedah Penamatan adalah seperti berikut :-

Bil	Nama	No Anggota	Faedah Penamatan
1.	Ismail Hashim Bin Masdan	5602	3,227.79
JUMLAH			<u>3,227.79</u>

Pembayaran telah dilakukan oleh Etiqa secara autokredit ke akaun anggota

C) SKIM TAKAFUL BESTARI - ETIQA TAKAFUL BERHAD

Bil	Nama	No Anggota	Nama Anak	Faedah/ Nilai Persaraan (RM)
1.	Rohayati Bt Hasan	4676	Amirul Asyraf	552.87
JUMLAH				<u>552.87</u>

Pembayaran telah dilakukan Etiqa secara autokredit ke akaun anggota

TABUNG ANGGOTA KOPERASI

Selain itu, koperasi telah menubuhkan tabung-tabung bertujuan untuk memberi kebajikan kepada anggota dan keluarga seperti berikut :-

A) TABUNG KEBAJIKAN AM

Bagi tahun 2018, Koperasi NSTP telah menggunakan wang di Tabung Kebajikan Am untuk tujuan derma, Anugerah Kecemerlangan Pendidikan, Zakat Perniagaan Koperasi dan cenderahati untuk semua anggota Koperasi serta lain-lain pembayaran yang bertujuan untuk kebajikan anggota. (Sila rujuk Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2018.)

B) TABUNG KHAIRAT KEMATIAN

Pada tahun 2018, Koperasi telah memberi wang khairat sebanyak RM10,000 kepada waris anggota berikut yang telah meninggal dunia :-

Bil	Nama Anggota	No Anggota	Syarikat	Sumbangan (RM)
1.	Bennie Zie Bt Fauzi	7968	NSTP	1,000.00
2.	Abdul Halim Bin Said	8508	NSTP	1,000.00
3.	Gopalakrishnan A/L Naransamy	8356	STMB	1,000.00
4.	Faridah Bt Yahya Zikri	5571	NSTP	1,000.00
5.	Roshan Lal S/O Tirath Ram	2399	NSTP	1,000.00
6.	Saifuzzaman Bin Jaafar	7134	NSTP	1,000.00
7.	Yuhana Bin Md Noh	9164	STMB	1,000.00
8.	Prem Kumar S/O K.S. Pillai	4229	STMB	1,000.00
9.	Norazam Bin Ruslan	9245	STMB	1,000.00
10.	Isambudin Bin Hanipah	6517	STMB	1,000.00
JUMLAH				<u>10,000.00</u>

Koperasi NSTP juga telah memberikan sumbangan wang khairat kepada 108 anggota atas kematian pasangan, anak, ibu-bapa dan ibu-bapa mertua masing-masing. Diharap sumbangan ini dapat mengurangkan bebanan anggota tersebut. Butiran sumbangan adalah seperti berikut :-

Bil	Kematian	Bilangan Anggota	Kadar Sumbangan Seorang (RM)	Jumlah Sumbangan (RM)
1.	Pasangan	3	500.00	1,500.00
2.	Anak	1	500.00	500.00
3.	Ibu / Bapa	72	300.00	21,600.00
4.	Ibu Mertua / Bapa Mertua	32	300.00	9,600.00
JUMLAH			JUMLAH	<u>33,200.00</u>

C) TABUNG PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN

Pada tahun 2018, Koperasi telah melindungi baki pembiayaan anggota dan bekas anggota koperasi yang meninggal dunia seperti berikut :-

Bil	Simati	No Anggota	Jumlah Pembiayaan Dilindungi (RM)
1.	Bennie Zie Bt Fauzi	7968	1,928.12
2.	Gopalakrishnan A/L Naransamy	8356	7,809.00
3.	Abdul Halim Bin Said	8508	21,267.66
4.	Yuhana Bin Md Noh	9164	30,076.90
5.	Prem Kumar S/O K.S Pillai	4229	11,905.00
6.	Saifuzzaman Bin Jaafar	7134	10,064.00
7.	Norazam Bin Ruslan	9245	5,405.25
8.	Isambudin Bin Hanipah	6517	23,770.00
JUMLAH			<u>112,225.93</u>

Pada tahun 2018, Koperasi juga telah melindungi baki pembiayaan bekas anggota koperasi atas sebab keilatan dan penyakit kritikal seperti berikut:

Bil	Bekas Anggota	No Anggota	Jumlah Pembiayaan Dilindungi (RM)
1.	Halimah Binti Ab Rahman	6848	25,857.96
2.	Khairul Anwar Bin Mohd Adam	8333	10,244.41
JUMLAH			<u>36,102.37</u>

Dengan perlindungan ini, waris dan penjamin tidak dibebankan untuk membayar baki pembiayaan tersebut.

3) KOMUNIKASI

Pada tahun 2018, komunikasi antara koperasi dengan anggota telah dipertingkatkan dengan menggunakan medium seperti berikut :-

- a) Sesi Penerangan - pertemuan dengan anggota semasa agihan penyata dan cenderahati
- b) Email Blast - hebahan poster dan maklumat terkini
- c) Notis - notis dipamerkan di papan kenyataan dan email blast.
- d) Poster / Risalah - dipamerkan di papan kenyataan, email blast dan melalui media sosial
- e) Facebook / Instagram - pelbagai aktiviti koperasi di kemaskini.
- f) Laman Web - pelbagai maklumat, aktiviti, borang-borang koperasi boleh diperolehi
- g) Media Cetak - liputan berkenaan maklumat kedudukan koperasi di Malaysia dan Wilayah Persekutuan

Koperasi NSTP telah membuka semula E-knstp iaitu semakan caruman dan skim anggota secara atas talian.

SASARAN DAN PELAKSANAAN BAGI TAHUN 2019

- JKK akan memperkemas lagi sistem komunikasi dan maklumat terutama melalui laman web, facebook, instagram, media elektronik, risalah dan emel.
- JKK akan menaikkan aliran trafik laman web koperasi dengan menggalakkan anggota untuk melayari E-knstp.
- JKK sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan jumlah anggota melalui promosi yang bersesuaian.
- JKK akan memberi tawaran keanggotaan kepada rakan niaga
- Cadangan penukaran penama kepada hibah
- Penambahbaikan manfaat Tabung Kebajikan Am.

PENUTUP

JKK berharap setiap pelaksanaan medium komunikasi yang dilakukan akan mendapat penerimaan yang positif dari anggota. JKK juga berharap komunikasi dua hala diwujudkan dan perwakilan turut menjadi perantara dalam usaha mempertingkatkan komunikasi dan seterusnya meningkatkan keanggotaan koperasi tanpa melupakan kebajikan anggota.

Sekian, Wassalam

“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



Zulfakar Wahib
Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

LAMPIRAN A :
KURSUS / SEMINAR YANG DIHADIRI OLEH ANGGOTA LEMBAGA, KAKITANGAN,
JAWATANKUASA AUDIT DALAM DAN ANGGOTA KOPERASI

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
1.	Taklimat Pelaksanaan Penghakiman dan Perintah Bayar Wang Anjuran : Koperasi NSTP & Zairos & Dora Tempat : Bilik Latihan NSTP	20/01/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani Zulfakar Wahib Baharuddin Ishak M.Nasir Ramli Salehuddin Shah Rodziah Jama'ah Ridzwan Ahmad Azlina Ibrahim
2.	Seminar Brainstorming Koop NSTP Anjuran : Koperasi NSTP Tempat : Hotel Regent Ramkamhaeng, Bangkok	26/01/2018 Sehingga 28/01/2018	13 Anggota 3 Jawatankuasa Audit Dalam 5 Kakitangan
3.	“ Post Mortem” Jurucakap Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa Ke-32 Anjuran : ANGKASA Tempat : Hotel Aliya ,Klang	09/02/2018 Sehingga 10/02/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani
4.	Bengkel Pematuhan Syariah melalui FINTECH dalam Gerakan Koperasi 2018 Anjuran : ANGKASA Tempat : Ancasa Hotel & Spa, KL	12/02/2018	Ahmad Shukran Bin Mohamed Salleh Salehuddin Shah
5.	Bicara Peluang Perniagaan Pemadanan Produk Anjuran : Koperasi Kastam Tempat : Sun Inns Hotel Kopkastam	22/02/2018	Ridzwan Ahmad Zuliza Jumai
6.	Program Lestari Modal Insan Koperasi Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Tamu Kg. Baru, Kuala Lumpur	24/02/2018	Zulfakar Wahib
7.	Program Penerangan Pelan Pembangunan Sektor Perkhidmatan Kewangan Koperasi 2016-2020 Zon Tengah Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Seri Pacific, KL	25/02/2018 Sehingga 27/02/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani Ahmad Shukran Mohamed Salleh

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
8.	Program Pembangunan Jaringan Perniagaan Hartanah Koperasi Zon Tengah Anjuran : ANGKASA Tempat : Tenera Hotel, Bandar Baru Bangi	09/03/2018 Sehingga 11/03/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani Ridzwan Ahmad
9.	Kursus Teknik Rundingan Jualan Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya	12/03/2018 Sehingga 13/03/2018	Nazirah Binti Abd Manap
10	Kursus Piawai Prosedur Operasi (S.O.P) Pasar Mini Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia Petaling Jaya	21/03/2018 Sehingga 22/03/2018	Mohd Fakhri Bin Abdul Koles
11	Potensi dan Peluang dalam Sektor Hartanah dan Industri Pembinaan Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	09/04/2018 Sehingga 11/04/2018	Ridzwan Ahmad
12	Majlis Forum dan Dialog “Memperkasakan Perniagaan Koperasi Hartanah” Anjuran : ANGKASA Tempat : Auditorium ANGKASA	26/04/2018	Ridzwan Ahmad
13	Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Karnival Jualan Koperasi Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan Tempat : Bilik Mesyuarat SKM WP	02/05/2018	Zulfakar Wahib Rodziah Jamaah
14	Mesyuarat Khas JKKN bersama Jurucakap Wilayah Persekutuan ke Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) 2018 Anjuran : ANGKASA Tempat : Bilik Mesyuarat JPAN WP	03/05/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
15	Mesyuarat Khas Jurucakap Wilayah Persekutuan ke Persidangan Kebangsaan Tahunan ANGKASA (PKTA) 2018 Anjuran : ANGKASA Tempat : Bilik Mesyuarat, JPAN WP	07/05/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani
16	Sesi Latihan SPeKAR Anjuran : RAM Credit Information Sdn Bhd Tempat : Tingkat 11,RAMCI ,Mid Valley	23/05/2018	Abdul Rahim Llin Zuliza Jumai
17	AGM Persatuan Ahli Pajakan Kecil Kelapa Sawit Anjuran : Persatuan Ahli Pajakan Kecil Kelapa Sawit Tempat : Guru Nanak Punjabi School,Sentul	04/06/2018	M.Nasir Bin Ramli
18	Strategi Pemasaran dalam Sektor Hartanah Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	04/07/2018	Ridzwan Ahmad Salehudin Shah Shabudin
19	Kursus Penghasilan Video Menggunakan Movie Maker Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	09/07/2018 Sehingga 10/07/2018	Nor Khairina Binti Leela Nasaruddin
20	Seminar Sistem Kredit Islam Anjuran : Bank Rakyat Tempat : De Palma Hotel,Ampang	19/07/2018	Ahmad Shukran Bin Mohamed Salleh Nor Amiza Bt Azizi
21	Bicara Profesional “Strategi Bisnes Berimpak Tinggi dalam Perniagaan Koperasi” Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Grand Bluewave Hotel Shah Alam	26/07/2018	Ridzwan Ahmad
22	Kursus Penilaian Emas Tulen : Gadai,Lelongan dan Tebus dalam Ar-Rahnu Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	01/08/2018 Sehingga 02/08/2018	Ismadi Bin Ismail
23	Kursus Pemulihan Hutang dan Pengurusan Kredit Anjuran : ANGKASA Tempat : Hotel Aliya Klang	7/08/2018 Sehingga 8/08/2018	Zulfakar Bin Wahib Baharuddin Bin Ishak Dauza Binti Umat Azlina Binti Ibrahim

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
24	Kursus Litigasi dan Tribunal Pengurusan Pembiayaan /Pinjaman Tidak Berbayar Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	13/08/2018 Sehingga 14/08/2018	Rodziah Binti Jama'ah Dauza Binti Umat Azlina Binti Ibrahim
25	Kursus Aplikasi Ms Excel -I(D)PT1201 Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	27/08/2018 Sehingga 29/08/2018	Nazirah Binti Abd Manap Normaheran Binti Baharuddin
26	Kursus Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi (Wajib JAD)-M(D)WJ1 Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	29/08/2018 Sehingga 30/08/2018	Mohamad Bin Yahya Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali Rameshdev Singh A/L Gordeyap Singh
27	Kursus Teknik Pemasaran Perniagaan Melalui Facebook-I(D)PT2301 Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	05/09/2018 Sehingga 06/09/2018	Ainin Sofea Binti Abdul Basid
28	Bengkel Perniagaan Kedai Maya Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	18/09/2018 Sehingga 20/09/2018	Nazirah Binti Abd Manap
29	Kursus Wajib 3 Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Seri Pena,Port Dickson	25/09/2018 Sehingga 26/09/2018	12 Anggota Lembaga
30	Program Rangsangan Modal Sektor Koperasi (Zon Tengah) Anjuran : ANGKASA Tempat : Hotel Aliya,Klang	18/10/2018 Sehingga 19/10/2018	Amir Bin Mat Kupli@Kupli
31	Kursus Pentingnya Laporan Tahunan Koperasi - I(L)PK2101 Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	24/10/2018	Rodziah Jamaah Ahmad Shukran Bin Mohamed Salleh Abdul Rahim Llin
32	Seminar Pemahaman & Pematuhan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi Anjuran : JPAN WP bersama SKM Pusat Tempat : Hotel Seaview,Langkawi	27/10/2018 Sehingga 29/10/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani Rodziah Jamaah

BIL	KURSUS / SEMINAR	TARIKH	PESERTA
33	Majlis Pelancaran Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia 2018 Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Flamingo ,Ampang	29/10/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani Baharuddin Bin Ishak
34	Bengkel Teknik Rundingan dan Komunikasi Perniagaan (Sales Talk) Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Avillion,Port Dickson	30/10/2018 Sehingga 31/10/2018	Noorhazifah Binti Mohd Aminoor Nur Azian Binti A'arip
35	Kursus Pengurusan Sumber Manusia Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	30/10/2018 Sehingga 01/11/2018	Ahmad Shukran Mohamed Salleh Azlina Binti Ibrahim
36	Seminar Pemasaran dan Pematuhan Lanjutan Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Rakyat Management Services Tempat : Menara Kembar Bank Rakyat	03/11/2018	Amir Bin Mat Kupli Ismadi Bin Ismail Nur Ashieqin Binti abd Malid Ainin Sofea Binti Abdul Basid
37	Kursus Pemasaran dan Pematuhan Lanjutan Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Rakyat Management Services Tempat : Dewan Tun Abdul Razak Menara Kembar Bank Rakyat	17/11/2018	Rodziah Jamaah Azlina Binti Ibrahim Mohd Nazri Bin Johari Muhammad Putra Idzreen Bin Mat Salihin
38	Kursus Pemasaran dan Pematuhan Lanjutan Ar-Rahnu X'Change Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Hotel Premeira KL	22/11/2018 Sehingga 23/11/2018	Amir Bin Mat Kupli Salehudin Shah Shabudin
39	Seminar Padanan Perniagaan & Majlis Perasmian Profil Terbaik Koperasi Wilayah Anjuran : Suruhanjaya Koperasi Malaysia Tempat : Hotel De Palma,Ampang	27/11/2018	Mohd Fadzil Abdul Ghani Ahmad Shukran Bin Mohamed Salleh
40	Kursus Penilaian Risiko Perniagaan Koperasi Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	28/11/2018 Sehingga 29/11/2018	Ridzwan Ahmad
41	Bicara Profesional Strategi Online :Formula Mudah Menjemput Pelanggan Anjuran : Maktab Koperasi Malaysia Tempat : Maktab Koperasi Malaysia	29/11/2018	Nazirah Binti Abd Manap



Jawatan Kuasa Audit Dalam 2018 / 2019

No Ruj Kami : 07/JKAD 2018/2019-MAT51

15hb Mac 2019

Anggota Lembaga Koperasi

Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad
31 Jalan Riong
59100 Kuala Lumpur

Tuan / Puan,

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SESI 2018/2019

Laporan Audit ini disediakan untuk mematuhi kehendak Seksyen 49, Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil 52 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan kali ke 51.

1. Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi The New Straits Times Press (M) Berhad seisi 2018/2019 dianggotai oleh :-

Mohd Hidzir Md Ismail	-	Pengerusi
Mohd Faizal Abdul Azis	-	Ahli Jawatankuasa
Rameshdev Singh Gordeyap Singh	-	Ahli Jawatankuasa
Mohd Hafiz Mohamad Ghazali	-	Ahli Jawatankuasa
Mohamad Yahya	-	Ahli Jawatankuasa

2. Laporan yang dibuat adalah berdasarkan Kunci Kira-Kira tahun berakhir 31hb Disember 2018 merangkumi Akaun Pembahagian Keuntungan, Akaun Untung Rugi, Akaun Perdagangan, Penyata Aliran Tunai, Skim-Skim Pinjaman dan Nota Akaun. Pengauditan juga merangkumi aspek pentadbiran keseluruhan koperasi termasuk Coopmart dan Ar-Rahnu.

3. Jadual pengauditan adalah seperti berikut :-

- 16hb Julai 2018
Mesyuarat Audit pertama sesi 2018/2019
- 15hb Ogos 2018
Skim Pembiayaan Jangka Panjang / Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Skim Pengeluaran Caruman / Skim Pengeluaran Simpanan Khas
- 24hb September 2018
Skim Pembiayaan Jangka Pendek / Akaun Anggota Lembaga dan Kakitangan
- 22hb Oktober 2018
Ar-Rahnu X'Change
- 5hb Januari 2019
Stok KoopMart

- 12hb Februari 2019
Tabung & Kumpulan Wang Koperasi / Pengaliran Wang Tunai Masuk dan Keluar / Pendapatan dan Perbelanjaan Koperasi
 - 12hb Mac 2019
Skim Pelaburan / Aset Koperasi / Polisi Pentadbiran dan Kewangan Koperasi / Skim Perkhidmatan Kakitangan / Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & JKAD / Pembiayaan Luar / Proses Naik Taraf Sistem / Skim Berkelompok / Bisnes Buku Didik, Klinik UPSR, Go Kart / Sewa Bangunan
4. Tertakluk kepada perkara-perkara di atas, kami berpendapat bahawa prestasi pengurusan dan hal ehwal koperasi adalah sama seperti di tahun lepas iaitu menunjukkan peningkatan di mana penyata dan rekod-rekod perakaunan serta rekod-rekod lain tersusun dengan baik dan disimpan dengan teratur. Urusan pentadbiran seperti pengendalian fail-fail dan urusanniaga perbelanjaan, penerimaan, perolehan adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1993 dan Undang-Undang Kecil Koperasi (52).
 5. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kakitangan Koperasi dan Ahli Lembaga Koperasi atas kepercayaan dan kerjasama yang amat baik sepanjang tempoh kami menjalankan tanggungjawab audit dalaman ini.

Sekian. Salam Hormat.

Yang Menjalankan Tugas




Mohd Hidzir Bin Md Ismail
(Pengerusi JKAD)



Mohd Faizal Bin Abdul Azis
(Ahli JKAD)



Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh
(Ahli JKAD)



Mohamad Bin Yahya
(Ahli JKAD)



Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali
(Ahli JKAD)



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur
MALAYSIA



Tel : 03 - 20834000
Faks: 03-20834100
Portal Rasmi: www.skm.gov.my

Ruj.Kami : SKM.IP.(AUDIT):
N72/1981/5 JLD.7(5)
Tarikh : 15/08/2018

Anggota Lembaga
Anggota-anggota Koperasi
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad
Tingkat 1, Bangunan Nst Press
(M) Sdn. Bhd, No.31, Jalan Riong, Off Jalan Bangsar,
59100 Kuala Lumpur
WILAYAH PERSEKUTUAN


Tuan,

PANDANGAN SURUHANJAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 59(2) AKTA KOPERASI 1993 KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi yang diaudit oleh juruaudit Mohd Kamal Bin Mohd Zahari Dari Firma Kamal Zahari & Co. telah diterima oleh Suruhanjaya.

2. Pihak kami telah membuat semakan dan pemerhatian ke atas akaun-akaun dan kunci kira-kira serta nota-nota kepada akaun bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT.NO.:AR5364

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad

Pandangan Suruhanjaya Ke Atas Akaun dan Kunci Kira-kira
Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2017

3. Berdasarkan semakan dan pemerhatian di atas, kami berpendapat akaun-akaun dan kunci kira-kira koperasi telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Garis Panduan Penyeliaan Koperasi.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(HAJI BADRISHAH BIN HASAN)

b.p. Pengerusi Eksekutif,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

s.k. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Wilayah Persekutuan
Ketua Bahagian Audit Negeri Wilayah Persekutuan
Penolong Pengarah Wilayah WILAYAH NASIONAL D
Firma Juruaudit KAMAL ZAHARI & CO.

Ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2018
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad, yang terdiri daripada Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2018, Akaun Untung Rugi, dan Penyata Aliran Tunai Koperasi bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan penting seperti yang dinyatakan di halaman 9 hingga 49.

Pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang disertakan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai Kedudukan Kewangan Koperasi pada 31 Disember 2018, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia.

Asas Untuk Pendapat

Kami menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut selanjutnya dihuraikan dalam *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami.

Tanggungjawab Kebebasan Dan Lain-Lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Koperasi mengikut Undang-Undang Kecil (pada Etika Profesional, Tingkah Laku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("By-Undang-undang ") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Akauntan untuk Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2018

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Maklumat Selain Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang dimasukkan dalam laporan tahunan, tetapi tidak termasuk Penyata Kewangan Koperasi serta laporan juruaudit kami di atasnya.

Pendapat kami mengenai Penyata Kewangan Koperasi tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan apa-apa bentuk jaminan kesimpulan ke atasnya.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap Penyata Kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain adalah tidak konsisten dengan Penyata Kewangan Koperasi atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata material dijumpai.

Sekiranya, berdasarkan hasil kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang material di dalam laporan Anggota Lembaga Koperasi, kami dikehendaki melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi untuk Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk penyediaan Penyata Kewangan Koperasi yang memberi pandangan yang benar dan saksama selaras dengan Piawai Laporan Kewangan Malaysia dan Akta Koperasi, 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Anggota Lembaga Koperasi untuk membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Koperasi bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan Penyata Kewangan Koperasi, Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana yang berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan usaha berterusan sebagai asas perakaunan melainkan jika Anggota Lembaga Koperasi sama ada bercadang untuk membubarkan Koperasi atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk melakukannya.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan kepastian yang munasabah mengenai sama ada Penyata Kewangan Koperasi secara keseluruhan bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit dijalankan selaras dengan piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawai Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata material apabila wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata tersebut boleh dijangka munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan Penyata Kewangan ini.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2018
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (Sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara Penyata Kewangan Koperasi, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, mereka bentuk dan melaksanakan audit prosedur yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan bahan salah nyata yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, sebagai penipuan mungkin melibatkan, pemalsuan, peninggalan yang sengaja, salah nyata, atau penolakan kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka audit prosedur yang sesuai dalam keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Anggota Lembaga Koperasi.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan Anggota Lembaga Koperasi pada asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Koperasi untuk meneruskan usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Koperasi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, adalah perlu untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Koperasi untuk berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan isi Penyata Kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada Penyata Kewangan Koperasi mewakili urusan niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi mengenai, antara perkara lain, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa pengauditan kami.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

(Didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2018

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS


Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan (*sambungan*)

Kami juga memberikan Anggota Lembaga Koperasi dengan kenyataan bahawa kami telah mematuhi keperluan etika yang relevan mengenai kebebasan, dan untuk berkomunikasi dengan mereka mengenai semua hubungan dan perkara-perkara lain yang mungkin dianggap munasabah sebagai kebebasan kami, dan di mana terpakai, perlindungan yang berkaitan.

Dari perkara yang dikomunikasikan dengan Anggota Lembaga Koperasi, kami menentukan perkara-perkara yang menjadi paling penting dalam pengauditan Penyata Kewangan Koperasi untuk tahun semasa dan oleh itu adalah perkara penting dalam audit. Kami menerangkan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam mengenai perkara itu atau bila, dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak sepatutnya disampaikan dalam laporan kami kerana akibat buruk daripada berbuat demikian dijangka melebihi faedah kepentingan awam disebabkan komunikasi tersebut.

Lain-lain Perkara

Laporan ini dibuat semata-mata kepada anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut Akta Koperasi, 1993 di Malaysia dan tidak ada tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.



KAMAL ZAHARI & CO.
AF1505

AKAUNTAN BERTAULIAH



MOHD KAMAL BIN MOHD ZAHARI
SKM (B) 0250

Kuala Lumpur

Tarikh : 12 April 2019

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
LAPORAN BERKANUN LEMBAGA
MENGIKUT SEKSYEN 59(1)(c) AKTA KOPERASI, 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Pengarah **KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD** dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.


Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi, 1993 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Pengarah Koperasi melaporkan bahawa:

- a) Pada pendapat Anggota Lembaga Pengarah Koperasi, hasil kendalian Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara-perkara yang luar biasa mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi, 1993.
- b) Koperasi bercadang membayar dividen sebanyak masing-masing 3.0% dan 4% berjumlah RM 617,919 (2017: 3% atas modal saham dan 5% atas modal yuran berjumlah RM 954,282) berasaskan modal yuran dan modal saham anggota setakat 30 Jun 2018. Ini tertakluk kepada persetujuan dalam Mesyuarat Agung perwakilan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Dividen bagi tahun 2018 juga termasuk dengan tunggakan dividen bagi tahun 2016 & 2017 yang berjumlah RM 2,797.
- c) Koperasi bercadang untuk mengagihkan keuntungan bersih sebanyak RM 40,000 ke Tabung Kebajikan Am (2017: Tiada).
- d) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara penilaian aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai.
- e) Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, tiada liabiliti luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan.
- f) Anggota Lembaga Pengarah Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di dalam Kunci Kira-Kira Koperasi memberikan gambaran yang benar dan saksama.
- g) Tiada liabiliti luarjangka akan berkuatkuasa dan tiada kemungkinan liabiliti sedemikian akan ditanggung dalam tempoh 12 bulan sejak berakhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan secara ketara keupayaan Koperasi dalam menunaikan sebarang bentuk liabiliti apabila tiba masanya.


KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Laporan Berkanun Lembaga....Samb.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Pengarah koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyakatakan seperti yang dikehendaki oleh Akta Koperasi, 1993.


.....
MOHD FADZIE ABDUL GHANI
(Pengerusi)


.....
ZULFAKAR WAHIB
(Setiausaha)


.....
AHMAD SHUKRAN MOHAMED SALLEH
(Bendahari)

Kuala Lumpur,

Tarikh: 12 APR 2019

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
KUNCI KIRA-KIRA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	4	6,423,986	4,826,753
Pelaburan dalam saham siarharga	5	123	123
Pelaburan dalam saham taksiarharga	6	917,713	807,247
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	7	144,000	144,000
Pembiayaan kepada anggota jangka panjang	8	16,687,093	18,209,646
Aset tidak nyata	9	7,000	14,000
Pelaburan-pelaburan lain	10	2,795,000	2,550,000
		<u>26,974,915</u>	<u>26,551,769</u>
ASET SEMASA			
Inventori	11	25,990	23,256
Pembiayaan kepada anggota jangka pendek	8	1,316,488	1,229,796
Pembiayaan gadaian Ar-Rahnu	12	7,265,772	7,549,360
Penghutang perdagangan (upah simpan) Ar-Rahnu		399,376	443,605
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayar	13	3,523,066	3,532,294
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	14	800,000	1,300,000
Tunai dan setara tunai	15	1,981,266	1,680,753
		<u>15,311,958</u>	<u>15,759,064</u>
JUMLAH ASET		<u>42,286,873</u>	<u>42,310,833</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Kunci Kira-Kira.....samb.

	Nota	2018 RM	2017 RM
DIBIYAI OLEH			
Modal yuran anggota	16	18,994,846	18,916,573
Modal syer anggota	17	2,547,891	2,633,047
Akaun Rizab Modal	18	490,676	490,676
Tabung dan Lain-lain Kumpulan Wang	19	592,802	810,741
Akaun untung rugi terkumpul		313,376	309,915
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>22,939,591</u>	<u>23,160,952</u>
 Kumpulan wang rizab statutori	20	<u>2,893,667</u>	<u>2,800,198</u>
		<u>2,893,667</u>	<u>2,800,198</u>
 LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pembiayaan berjangka daripada institusi kewangan	21	11,741,786	11,539,168
Geran bantuan ubahsuai	22	-	-
		<u>11,741,786</u>	<u>11,539,168</u>
 LIABILITI SEMASA			
Simpanan khas anggota	23	1,259,839	1,287,624
Pembiayaan berjangka daripada institusi kewangan	21	2,081,484	1,764,772
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	24	15,578	22,749
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	25	7,789	11,375
Peruntukan dividen anggota	26	620,716	954,282
Pelbagai pemiutang dan akruan	27	726,423	769,713
		<u>4,711,829</u>	<u>4,810,515</u>
 JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>42,286,873</u>	<u>42,310,833</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN		778,912	1,137,451
TOLAK: PEMBAHAGIAN BERKANUN			
Kumpulan Wang Rizab Statutori - 12%	20	93,469	136,494
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi - 2%	24	15,578	22,749
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi - 1%	25	7,789	11,375
		<u>116,836</u>	<u>170,618</u>
UNTUNG SELEPAS PEMBAHAGIAN BERKANUN		662,076	966,833
TOLAK: LAIN-LAIN PEMBAHAGIAN			
Dividen dicadangkan 2018	26		
4% atas modal saham pada 30/6/2018 berjumlah RM 2,276,594		91,064	
3% atas modal yuran pada 30/6/2018 berjumlah RM 17,561,841		526,856	
Tunggakkan dividen 2017 & 2016 :			
Dividen 2017 - 5% atas modal yuran berjumlah 27,165		1,358	
Dividen 2017 - 3% atas modal saham RM 1,000		30	
Dividen 2016 - 5% atas modal yuran berjumlah 27,165		1,358	
Dividen 2016 - 5% atas modal saham RM 1,000		50	
Dividen 2017			
Dividen-3% atas modal saham pada 30/6/2017 berjumlah RM2,354,206	26		70,626
Dividen-5% atas modal yuran pada 30/6/2017 berjumlah RM17,673,113	26		883,656
Kumpulan Wang Kebajikan Am	19	40,000	-
		<u>660,716</u>	<u>954,282</u>
BAKI KEUNTUNGAN YANG BELUM DIBAHAGI-BAHAGIKAN		1,360	12,551
Tolak : Pelarasan Bukan Operasi		-	-
		<u>1,360</u>	<u>12,551</u>
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AWAL TAHUN		309,915	297,364
Pelarasan dalam tahun		2,101	-
		<u>312,016</u>	<u>297,364</u>
KEUNTUNGAN TERKUMPUL PADA AKHIR TAHUN		<u>313,376</u>	<u>309,915</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari skim pembiayaan kepada anggota:			
Caj perkhidmatan skim pembiayaan	28	1,728,623	1,885,247
Yuran proses pembiayaan		11,514	12,480
Keuntungan kurangan rebet (caj pertindihan awal)		27,326	32,199
Caj proses surat		357	170
		<u>1,767,820</u>	<u>1,930,096</u>
Pendapatan dari pelaburan:			
Hadiah simpanan tetap (REPO)		-	385
Hadiah simpanan tetap (al-Mudharabah)		13,179	52,408
Hadiah dari akaun simpanan		1,569	1,659
Pendapatan dividen	29	79,528	86,119
Pendapatan HLA		29,793	39,729
		<u>124,069</u>	<u>180,300</u>
Pendapatan dari perkhidmatan pengguna:			
Keuntungan dari kedai Koperasi		34,200	31,081
Keuntungan dari akaun perdagangan Ar-Rahnu X'change		168,698	239,959
Pendapatan dari sewa bangunan	30	91,021	92,532
Pendapatan dari projek pembangunan	31	9,490	43,646
		<u>303,409</u>	<u>407,218</u>
Lain-lain pendapatan dan keuntungan:			
Bayaran masuk		2,100	2,160
Pendapatan komisyen	32	119,534	127,634
Keuntungan/(Kerugian) dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan		582	60
Lain-lain		219,924	59,064
		<u>342,140</u>	<u>188,918</u>
JUMLAH PENDAPATAN		2,537,438	2,706,532

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Akaun Untung Rugi....samb

	Nota	2018 RM	2017 RM
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Pentadbiran:			
Gaji, elaun dan bonus kakitangan		518,578	520,437
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja		103,445	94,632
Kumpulan Wang Keselamatan Sosial		9,734	8,481
Perubatan kakitangan		17,419	15,040
Skim Perlindungan Berkelompok kakitangan		20,288	20,502
Skim perlindungan pelan persaraan		7,441	9,901
Skim kemalangan anggota lembaga / jkad		7,476	6,998
Kursus latihan dan staf praktikal		21,041	18,906
Kursus dan seminar		58,768	47,936
Elaun jawatankuasa audit dalaman	33	9,100	12,400
Elaun Anggota Lembaga Pengarah	34	125,460	120,650
Mesyuarat Agung Perwakilan		60,480	66,196
Mesyuarat Agung Kawasan		37,913	-
Belanja keraian mesyuarat		4,886	4,587
Percetakan		700	4,850
Alatulis/bekalan dan bahan		5,906	7,645
Alatan pejabat		1,169	2,883
Setem dan pos		2,411	2,580
Sewa dan caj meter mesin fotostat		7,151	7,564
Sewa mesin air		1,451	-
Telefon, faks, air dan elektrik		8,893	13,202
Belanja komputer		5,094	3,587
Sewa peralatan sistem komputer		31,400	14,000
Penyelenggaraan		5,700	3,120
Sewa kaunter khidmat pelanggan		6,000	6,000
Keraian		5,781	10,427
Cenderahati		315	803
Pengangkutan dan perjalanan		8,099	6,196
Iklan		1,260	-
Belanja sukan		200	1,390
Belanja promosi		5,934	5,966
Caj bank		1,378	1,096
Yuran proses bank		20	3,438
Cukai perkhidmatan		1,963	6,195
Denda		2,023	871
Duti Setem		126	171
Caj penggunaan sistem internet perbankan		575	850
		1,105,578	1,049,500

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Akaun Untung Rugi...samb.

Perbelanjaan Pentadbiran (samb)	1,105,578	1,049,500
Caj penggunaan sistem spekar	1,065	828
Bayaran guaman	13,995	34,063
Bayaran audit luar	9,000	9,000
Bayaran agen percukaian	5,500	6,000
Bayaran professional	15,545	2,990
Lesen dan pendaftaran	1,330	542
Komisen agen kutip hutang	-	460
Yuran Sekretariat / Incorporation	300	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	145,895	93,125
	<u>1,298,208</u>	<u>1,196,508</u>
Perbelanjaan Kewangan :		
Caj keuntungan pembiayaan BIMB 1	-	1,165
Caj keuntungan pembiayaan BIMB 2	138,702	99,980
Caj keuntungan pembiayaan Kopsya	176,664	210,000
Caj keuntungan pembiayaan SKM - Arena Mentari	45,751	47,612
Caj keuntungan pembiayaan SKM - Nadi Bangsar	17,736	13,816
Caj keuntungan pembiayaan Bank Rakyat - Sri Tjanni	21,882	-
Caj keuntungan pembiayaan Maybank Islamic - Bdr Seri Putera	36,213	-
Caj keuntungan pembiayaan SKM - Saville Kajang	23,370	-
	<u>460,318</u>	<u>372,573</u>
JUMLAH PERBELANJAAN	1,758,526	1,569,081
KEUNTUNGAN BERSIH DIPINDAHKAN KE PENYATA PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN	<u>778,912</u>	<u>1,137,451</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI KEDAI KOPERASI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
PENDAPATAN		
Jualan	154,728	163,614
Sewa tapak / komisen promosi	-	1,200
Geran bantuan ubahsuai dilunaskan	-	8,817
Jumlah pendapatan	<u>154,728</u>	<u>173,631</u>
KOS JUALAN		
Baki inventori awal	23,256	20,096
Belian	116,067	138,473
Angkutan masuk	-	54
Baki inventori akhir	<u>(25,454)</u>	<u>(23,256)</u>
	<u>113,869</u>	<u>135,367</u>
UNTUNG KASAR	40,859	38,264
TOLAK : PERBELANJAAN OPERASI		
Sewa kedai	6,000	6,000
Alatan	259	751
Alatulis	-	32
Lesen	400	400
	<u>6,659</u>	<u>7,183</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DIPINDAHKAN KE AKAUN UNTUNG RUGI	<u>34,200</u>	<u>31,081</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
AKAUN UNTUNG RUGI AR-RAHNU X'CHANGE
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018	2017
	RM	RM
PENDAPATAN		
Pendapatan operasi :		
Pendapatan caj upah simpan	1,059,017	1,093,719
Penggenapan	10	-
Caj notis	12,788	12,393
	<u>1,071,815</u>	<u>1,106,112</u>
Lain-lain pendapatan :		
Hadiah bank akaun semasa	2,420	2,304
Keuntungan/faedah simpanan tetap	4,839	-
Yuran tender	740	900
Sewa penempatan mesin pengeluaran wang	-	4,500
	<u>7,999</u>	<u>7,704</u>
JUMLAH PENDAPATAN	1,079,814	1,113,816
TOLAK : PERBELANJAAN		
Perbelanjaan pentadbiran :		
Royalti francais	84,107	82,740
Dana pemasaran nasional	21,027	20,685
Penggenapan - kekurangan	10	-
Gaji, elaun dan bonus staf	100,908	90,912
Insuran takaful	11,560	9,429
Pelunasan aset tidak nyata	7,000	7,000
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	9,893	9,711
Belanja utiliti	23,864	25,413
Pengiklanan dan sebaran	10,228	12
Belanja pos, penghantaran dan setem	7,532	6,090
Penyelenggaraan alat pejabat dan komputer	310	-
<i>Baki hantar ke hadapan</i>	<u>276,439</u>	<u>251,992</u>

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Akaun Untung Rugi Ar-Rahnu X'change.....samb

<i>Baki bawa ke bawah</i>	276,439	251,992
Penyelenggaraan perisian	4,000	4,000
Penyelenggaraan bangunan	9,374	11,146
Lesen, cukai tanah dan taksiran	2,223	2,913
Alatulis, cetakan, dan bekalan	4,156	4,891
Belanja membersihkan pejabat	3,738	3,180
Caj dan komisen perkhidmatan bank	14	31
Sewa pejabat	91,000	84,000
Pelbagai perbelanjaan	1,500	-
Keraian	2,039	-
Perkhidmatan keselamatan	67,378	49,772
	<u>461,861</u>	<u>411,925</u>
Perbelanjaan kewangan :		
Caj pembiayaan Bank Rakyat	449,255	461,932
	<u>911,116</u>	<u>873,857</u>
KEUNTUNGAN BERSIH DIPINDAHKAN KE AKAUN UNTUNG RUGI	<u>168,698</u>	<u>239,959</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	2018 RM	2017 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA OPERASI		
Keuntungan bersih sebelum cukai	778,912	1,137,451
Pelarasan untuk :		
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	155,788	102,836
Pendapatan dari pelaburan	(124,069)	(180,300)
Pelunasan aset tidak nyata	7,000	7,000
Geran bantuan ubahsuai dilunaskan	-	(8,817)
Caj keuntungan pembiayaan	460,318	372,573
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>1,277,949</u>	<u>1,430,743</u>
Penambahan inventori	(2,734)	(3,160)
Kurangan pembiayaan kepada anggota	1,435,861	2,765,779
Pengurangan pembiayaan Ar-Rahnu	327,817	83,958
Pengurangan penghutang, deposit dan prabayar	9,228	250,804
(Pengurangan)/Penambahan pelbagai pemiutang dan akruan	<u>(43,290)</u>	<u>53,743</u>
Aliran tunai diperolehi daripada aktiviti operasi	<u>3,004,831</u>	<u>4,581,867</u>
Zakat dibayar	-	-
Aliran tunai bersih diperolehi daripada aktiviti operasi	<u>3,004,831</u>	<u>4,581,867</u>
ALIRAN TUNAI UNTUK BAYARAN BERKANUN DAN AGIHAN		
Tabung dan lain-lain kumpulan wang	(257,939)	(130,241)
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi	(22,749)	(25,480)
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi	(11,375)	(12,740)
Aliran tunai digunakan untuk bayaran berkanun dan agihan	<u>(292,063)</u>	<u>(168,461)</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Penyata Aliran Tunai...samb

	2018	2017
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pendapatan dari pelaburan	124,069	180,300
Penambahan pelaburan	(355,466)	(280,132)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(1,753,021)	(626,732)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	<u>(1,984,418)</u>	<u>(726,564)</u>
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Bayaran dividen	(952,181)	(1,037,761)
Pergerakan bersih modal yuran dan syer	(6,883)	(853,919)
Pergerakan bersih simpanan khas anggota	(27,785)	(71,129)
Pergerakan bersih pembiayaan institusi kewangan	519,330	(1,135,039)
Bayaran caj keuntungan pembiayaan	(460,318)	(372,573)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pembiayaan	<u>(927,837)</u>	<u>(3,470,421)</u>
(Kurangan)/Lebih tunai dan setara tunai	(199,487)	216,421
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	2,980,753	2,764,332
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	<u>2,781,266</u>	<u>2,980,753</u>
Tunai dan setara tunai terdiri daripada :		
Tunai di tangan dan di bank	1,981,266	1,680,753
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	800,000	1,300,000
	<u>2,781,266</u>	<u>2,980,753</u>

Sila lihat nota-nota yang mengiringi penyata kewangan

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. KEGIATAN UTAMA KOPERASI

Kegiatan utama Koperasi adalah memberi kemudahan pembiayaan kepada anggota-anggotanya, menjalankan operasi perniagaan kedai Koperasi dan operasi Ar-Rahnu X'change, membuat pelaburan dalam pelbagai bentuk pelaburan serta menyewakan ruang-ruang kedai dan pejabat.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan menurut kehendak Akta Koperasi, 1993 serta Undang-undang Kecil Koperasi.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan yang berikut adalah digunakan dalam melaporkan perkara-perkara yang penting di dalam penyata kewangan:

(a) Yuran masuk

Yuran masuk yang diterima dalam tahun kewangan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi mengikut kehendak Undang-undang Kecil Koperasi.

(b) Inventori

Inventori dinilai pada yang mana lebih rendah di antara kos atau nilai bersih boleh direalisasikan. Kos ditentukan berasaskan kepada purata berwajaran. Nilai bersih boleh direalisasikan adalah anggaran harga jualan dalam urusan perniagaan normal ditolak anggaran kos siap dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

(c) Pelaburan

(i) Pelaburan dalam saham

Pelaburan-pelaburan dalam saham siarharga, taksiarharga dan saham-saham amanah dinyatakan pada harga kos dan dibuat elaun rosotnilai jika terdapat kemerosotan nilai yang bersifat kekal.

(ii) Pelaburan dan perlindungan diri

Pelaburan dalam perlindungan diri adalah pembelian polisi perlindungan dimana "Pemunya Polisi" adalah Koperasi dan "Hayat Diinsuranskan" adalah atas hayat staf dan lembaga pengarah Koperasi. Pelaburan dalam insuran hayat ini dinyatakan pada nilai penyerahan "(surrender value)" atau nilai tunai "(cash value)". Perbezaan antara premium yang dibayar dan nilai penyerahan didebitkan ke akaun prabayar insuran yang kemudiannya akan dicajkan ke akaun Untung Rugi sebagai kos insuran mengikut kaedah garis lurus untuk tempoh sehingga peserta yang dilindungi mencapai umur persaraan 55 tahun.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

(c) Pelaburan (sambungan)

(ii) Pelaburan dan insuran hayat (sambungan)

Sekiranya polisi ditamatkan lebih awal sebelum peserta yang dilindungi mencapai umur persaraan, maka kesemua baki prabayar insuran akan dicajkan ke Akaun Untung Rugi pada tarikh penamatan tersebut.

(d) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian dari kejejasan, jika ada.

Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus bagi menghapuskira kos dan nilai hartanah, loji dan peralatan ke atas jangka hayat penggunaan aset tersebut mengikut kadar berikut :-

Perabot dan kelengkapan pejabat	20%
Peralatan pejabat	20%
Komputer	20%
Ubahsuai	20%
Hartanah/Bangunan	2%

Bangunan dalam kemajuan akan mula disusutnilaikan apabila ia telah sedia untuk digunakan.

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi dalam tahun disusutnilaikan pro-rata mengikut bulan. Susutnilai penuh hartanah, loji dan peralatan dikekalkan di dalam akaun sehingga ia dilupuskan atau dihapuskira.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan aset ditentukan sebagai perbezaan diantara anggaran perolehan bersih dan nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan tersebut dan diiktiraf di dalam Akaun Untung Rugi. Aset dikekalkan di dalam akaun sehingga ia dilupuskan atau dihapuskira.

(e) Aset tidak nyata

Aset tidak nyata terdiri daripada yuran francais dan yuran pemasangan yang dibayar pada tarikh pemulaan kontrak untuk tempoh 5 tahun.

Perbelanjaan- perbelanjaan ini dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan dan kerugian dari kejejasan, jika ada.

(f) Elaun Hutang Ragu Pembiayaan Anggota

Tujuan Tabung Perlindungan Pembiayaan telah ditambah menerusi Pindaan yang dibuat kepada aturan Tabung dengan membenarkan elaun hutang ragu pembiayaan anggota dengan kadar tidak melebihi RM100,000 setahun dibuat melalui tabung ini. Ini bermakna segala peruntukan dan pengurangan ke atas akaun elaun hutang ragu akan dilaraskan di dalam akaun tabung ini.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

(g) Kekejasan nilai

Nilai buku bersih bagi akaun aset dikaji pada setiap tarikh Kunci Kira-kira bagi menentukan samada terdapat sebarang tanda-tanda sedemikian wujud, nilai yang boleh diperolehi semula bagi aset tersebut dianggarkan. Kerugian dari kekejasan diiktiraf apabila nilai buku bersih sesebuah aset melebihi nilai yang boleh diperolehi semula.

(h) Simpanan khas anggota

Simpanan khas diterima daripada anggota-anggota bagi tujuan peribadi mereka. Tiada faedah atau dividen dibayar ke atas simpanan khas ini.

(i) Pengiktirafan pendapatan

- (i) Caj perkhidmatan yang dikenakan ke atas skim pembiayaan kepada anggota akan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi apabila bayaran balik diterima.
- (ii) Pendapatan upah simpan akan dikreditkan ke Akaun Untung Rugi apabila penerima dibiaya membuat penebusan.
- (iii) Lain-lain pendapatan diambilkira mengikut dasar perakaunan akruan.

(j) Penyata Aliran Tunai

Koperasi menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

Tunai dan setara tunai terdiri dari tunai ditangan, baki dibank dan simpanan tetap yang sedia untuk ditukarkan kepada jumlah tunai dan tidak tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang ketara.

(k) Insurans kewangan

(i) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapuskan dalam tempoh ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas semua baki yang belum dijelaskan.

(ii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama balasan yang akan dibayar pada masa hadapan bagi barang-barang dan perkhidmatan yang diterima.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

(l) Caj pembiayaan

Caj pembiayaan yang berkaitan dengan pembelian dan pembinaan aset akan dipermodalkan sehingga aset tersebut sedia untuk digunakan. Caj pembiayaan yang lain akan dicajkan terus ke Akaun Untung Rugi.

(m) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Gaji, elaun, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun bila perkhidmatan berkaitan diberi oleh kakitangan koperasi.

(ii) Pelan sumbangan yang diiktiraf

Koperasi membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") dan caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Akaun Untung Rugi Koperasi apabila ia tertanggung.

(n) Geran

Geran untuk belanja mengurus diambilkira sebagai pendapatan dalam Akaun Untung Rugi mengikut asas pengakruan. Geran untuk projek pembangunan diiktiraf di dalam liabiliti bukan semasa dan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.

(o) Peruntukan liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Koperasi mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah yang boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh Kunci Kira-kira dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Dimana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

(p) Dasar pengurangan risiko kewangan

Pengurusan risiko kewangan Koperasi untuk memastikan bahawa sumber kewangan yang mencukupi adalah tersedia untuk pembangunan perniagaan Koperasi disamping menguruskan risikonya. Dasar-dasar dibawah adalah dilaksanakan untuk memberi kaedah-kaedah yang berkesan untuk mengurangkan risiko kewangan ke atas Koperasi. Risiko-risiko yang dihadapi oleh Koperasi adalah risiko kecairan dan risiko kredit.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (sambungan)

(p) Dasar pengurangan risiko kewangan (sambungan)

i) Risiko kecairan

Koperasi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi bagi memenuhi liabiliti mereka dan secara kos efektif dengan mempelbagaikan sumber pembiayaan dan menjadualkan pembayaran hutang kepada beberapa peringkat kematangan.

ii) Risiko kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi mereka. Koperasi telah mengamalkan dasar yang hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai rekod kredit yang baik serta mendapatkan cagaran yang mencukupi atau jaminan lain yang sesuai sebagai satucara bagi mengurangkan risiko kerugian kewangan akibat dari kemungkinan pelanggaran. Penghutang dikawal secara berterusan melalui prosedur pengurusan hutang Koperasi.

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Nota-nota kepada penyata kewangan.....samb

4. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN

2018	Pada	Penambahan	Pelupusan	Pada
	1/1/2018			31/12/2018
	RM	RM	RM	RM
<u>Kos</u>				
Perabot dan kelengkapan	220,780	8,555	-	229,335
Peralatan pejabat	104,057	3,944	-	108,001
Bangunan dalam kemajuan	1,812,300	1,645,700	-	3,458,000
Kedai Pejabat	1,960,000	-	-	1,960,000
Kondominium	1,038,888	-	-	1,038,888
Komputer	419,051	92,422	-	511,473
Ubahsuai	320,694	2,400	-	323,094
Hartanah	1,000	-	-	1,000
	<u>5,876,770</u>	<u>1,753,021</u>	<u>-</u>	<u>7,629,791</u>
<u>Susutnilai Berkumpul</u>				
Perabot dan kelengkapan	186,884	12,599	-	199,483
Peralatan pejabat	94,465	4,152	-	98,617
Bangunan dalam kemajuan	-	55,930	-	55,930
Kedai Pejabat	78,400	39,200	-	117,600
Kondominium	20,778	20,778	-	41,556
Komputer	381,106	16,285	-	397,391
Ubahsuai	288,384	6,844	-	295,228
Hartanah	-	-	-	-
	<u>1,050,017</u>	<u>155,788</u>	<u>-</u>	<u>1,205,805</u>
2017	Pada	Penambahan	Pelupusan	Pada
	1/1/2017			31/12/2017
	RM	RM	RM	RM
<u>Kos</u>				
Perabot dan kelengkapan	208,156	12,624	-	220,780
Peralatan pejabat	96,263	7,794	-	104,057
Bangunan dalam kemajuan	1,246,400	565,900	-	1,812,300
Kedai Pejabat	1,960,000	-	-	1,960,000
Kondominium	1,038,888	-	-	1,038,888
Komputer	412,056	6,995	-	419,051
Ubahsuai	287,275	33,419	-	320,694
Hartanah	1,000	-	-	1,000
	<u>5,250,038</u>	<u>626,732</u>	<u>-</u>	<u>5,876,770</u>

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Nota-nota kepada penyata kewangan...samb.

4. HARTA TANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Susutnilai Berkumpul

Perabot dan kelengkapan	175,354	11,530	-	186,884
Peralatan pejabat	88,955	5,510	-	94,465
Bangunan dalam kemajuan	-	-	-	-
Kedai Pejabat	39,200	39,200	-	78,400
Kondominium	-	20,778	-	20,778
Komputer	359,380	21,726	-	381,106
Ubahsuai	284,292	4,092	-	288,384
Hartanah	-	-	-	-
	<u>947,181</u>	<u>102,836</u>	<u>-</u>	<u>1,050,017</u>

Nilai Buku Bersih

	2018	2017
	RM	RM
Perabot dan kelengkapan	29,852	33,896
Peralatan pejabat	9,384	9,592
Bangunan dalam kemajuan	3,402,070	1,812,300
Kedai Pejabat	1,842,400	1,881,600
Kondominium	997,332	1,018,110
Komputer	114,082	37,945
Ubahsuai	27,866	32,310
Hartanah	1,000	1,000
	<u>6,423,986</u>	<u>4,826,753</u>

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Nota-nota kepada penyata kewangan...samb

5. PELABURAN DALAM SAHAM SIARHARGA
2018

	Unit	Kos Belian RM	Elaun rosotnilai RM	Nilai buku bersih RM
Wembley Industries Holding Bhd	1,000	1,450	(1,395)	55
Fountain View Development Berhad	150	5,400	(5,362)	38
Omesti Berhad	33	589	(561)	28
Diversified Gateway Solution Berhad	16	33	(31)	2
		<u>7,472</u>	<u>(7,349)</u>	<u>123</u>

Unit bagi saham Diversified berkurangan disebabkan penyusunan semula modal.

2017

	Unit	Kos Belian RM	Elaun rosotnilai RM	Nilai buku bersih RM
Wembley Industries Holding Bhd	1,000	1,450	(1,395)	55
Fountain View Development Berhad	150	5,400	(5,362)	38
Omesti Berhad	33	589	(561)	28
Diversified Gateway Solution Berhad	33	33	(31)	2
		<u>7,472</u>	<u>(7,349)</u>	<u>123</u>

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Nota-nota kepada penyata kewangan...samb.

6. PELABURAN DALAM SAHAM TAK SIARHARGA

2018

	Unit	Kos Penambahan RM	Peruntukan rosotnilai / Hapuskira RM	Nilai buku bersih RM	
Koperasi Pasaraya Berhad	100	10,025	-	(25)	10,000
Koperasi Perdanajaya (M) Berhad	10,000	10,000	-	-	10,000
Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd	200,000	207,084	-	-	207,084
Koperasi MCIS	301,000	301,000	50,000	-	351,000
Koperasi Kredit Malaysia Berhad	-	11,000	-	-	11,000
Gabungan Koperasi Kredit KL Berhad	-	1,000	-	-	1,000
Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Bhd	-	217,163	10,465	-	227,628
CoopBank Persatuan	50,000	50,000	50,000	-	100,000
Kelapa Sawit MCIS Terengganu Fasa 1	-	792	-	(791)	1
Jumlah pada 31 Disember		808,064	110,465	(816)	917,713

2017

	Unit	Kos Penambahan RM	Peruntukan rosotnilai RM	Nilai buku bersih RM	
Koperasi Pasaraya Berhad	100	10,025	-	(25)	10,000
Koperasi Perdanajaya (M) Berhad	10,000	10,000	-	-	10,000
Bank Kerjasama Rakyat (M) Bhd	200,000	207,084	-	-	207,084
Koperasi MCIS	301,000	301,000	-	-	301,000
Koperasi Kredit Malaysia Berhad	-	11,000	-	-	11,000
Gabungan Koperasi Kredit KL Berhad	-	1,000	-	-	1,000
Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Bhd	-	207,030	10,132	-	217,162
CoopBank Persatuan	50,000		50,000	-	50,000
Kelapa Sawit MCIS Terengganu Fasa 1	-	792	-	(791)	1
Jumlah pada 31 Disember		747,931	60,132	(816)	807,247

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Nota-nota kepada penyata kewangan.....samb.

7. PELABURAN DAN KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

Koperasi melabur ke dalam saham syarikat Media Travel Holidays Sdn. Bhd. sebanyak 40% dengan jumlah pelaburan RM144,000.

